




LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2013

Pembangunan Modal Insan
Human Capital Development



2013

M A J L I S A M A N A H R A K Y A T



KANDUNGAN

PERNYATAAN KORPORAT	001
KERANGKA TRANSFORMASI STRATEGIK MARA	002
SEJARAH TRANSFORMASI MARA	004

01	Maklumat Korporat	007
	PERUTUSAN PENERUSI	010
	PROFIL AHLI MAJLIS	012
	AHLI PANEL PELABURAN	014
	AHLI JAWATANKUASA AUDIT	015
	RINGKASAN MAKLUMAT KORPORAT	015
	AHLI PENGURUSAN	016
	CARTA ORGANISASI	019
	PUSAT PENTADBIRAN	020
	RINGKASAN PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN	021
	LAPORAN PENGURUSAN	023

02	Jabatan Ketua Pengarah	025
	PELAKSANAAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK	026
	PENGAUDITAN DALAMAN	028
	KHIDMAT PERUNDANGAN	029
	KOMUNIKASI KORPORAT	030
	PENYELARASAN PENGURUSAN	034
	PENGURUSAN HAL EHWAL MAJLIS	035
	PENYELIDIKAN DAN INOVASI	036
	INTEGRITI	038

03	Sektor Keusahawanan	039
	PEMBANGUNAN USAHAWAN	041
	PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PERNIAGAAN	042
	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PERNIAGAAN	046
	PEMBIAYAAN PERNIAGAAN	048
	GLOCAL LINK (M) SDN. BHD.	049
	PUSAT PEMBANGUNAN REKA BENTUK SDN. BHD. (DDEC)	049
	F.I.T. CENTER SDN. BHD. (FITEC)	050

04 Sektor Pendidikan

PENDIDIKAN MENENGAH	051
KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL	053
GIATMARA	057
PENAJAAN PENDIDIKAN	062
TEKNOLOGI PENDIDIKAN	063
PENDIDIKAN TINGGI	065
UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UniKL)	067
GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE (GMI)	069
KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM)	072
	074

05 Sektor Pelaburan

PELABURAN DAN PEMBANGUNAN SUBSIDIARI	077
KAWALAN KREDIT	079
INDUSTRI PENGANGKUTAN	080
MARA INCORPORATED SDN. BHD. (MARA Inc.)	081
PELABURAN MARA BERHAD (PMB)	082
	083

06 Sektor Khidmat Pengurusan

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	085
PENGURUSAN KEWANGAN	087
PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN	089
PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	091
PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN	092
PEMANTAUAN DAN INSPEKTORAT	093
	094
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT	095
PERISTIWA KORPORAT	099
PENYATA KEWANGAN 2013	103



Sejajar dengan agenda Transformasi MARA, hala tuju organisasi telah diselaraskan semula sesuai dengan semangat dan matlamat asal kewujudan MARA sebagai sebuah *socio-economic engineering agency*

VISI

**Menjadi organisasi amanah
yang unggul dan diberkati untuk
mengangkat martabat bangsa**

MISI

**Menerajui bidang keusahawanan,
pendidikan dan pelaburan untuk
penguasaan ekuiti Bumiputera**

OBJEKTIF

- Membangunkan usahawan berjaya dan inovatif
- Melahirkan modal insan global dan berintegriti
- Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- Memudahkan sistem penyampaian


MOTO


Keusahawanan dan Pendidikan Global

NILAI BERSAMA

Amanah rakyat

**KERANGKA
TRANSFORMASI
STRATEGIK MARA
2011-2020**





SEJARAH TRANSFORMASI MARA



1950

Pewujudan Skim
Pembiayaan
Perniagaan
Pertama



1956

Pewujudan Dewan
Latihan RIDA

1964

Penubuhan
Pusat Kemajuan
Pertukangan Tangan
(diperbadankan
sebagai Kraftangan
Malaysia di bawah
Akta 222 pada 1973)

1965

Kongres Ekonomi
Bumiputera Pertama
bersetuju RIDA diganti
dengan Majlis Amanah
Rakyat (MARA)

Penubuhan
Maktab MARA



1966

MARA diperbadankan
sebagai Badan
Berkanun Kerajaan
melalui Akta MARA
No. 20 Tahun 1966
pada 1 Mac 1966



2000

Penubuhan
Kolej Kemahiran
Tinggi MARA
(KKTM)



1997

Kolej Profesional
MARA (KPM)
ditubuhkan



1996

Pembangunan
Usahawan
Teknikal (PU TEK)

British Malaysian
Institute (BMI)



1995

Pembiayaan
Perniagaan
Berkonsepkan
Islam dilancarkan

Malaysia France
Institute (MFI)



1994

Pewujudan Furniture
Industry Technology
Centre Sdn Bhd
(FITEC)



2001

Inkubator
Teknologi
Perkilangan
(INTEP)

2002

Pewujudan
Universiti
Teknikal MARA
Sdn Bhd
(UniTEK MARA)

2003

Penubuhan Kolej
Poly-Tech MARA
(KPTM)



2007

Pelancaran
Lanskap
Peruncitan
Bumiputera

2008

Pewujudan
MARA Inc. Sdn Bhd


Pewujudan
Pusat Pembangunan
Rekabentuk Sdn Bhd
(DDEC)

Pewujudan Glocal
Link (M) Sdn Bhd

MARA Inc.

MALAYSIA





1967

Institut Teknologi MARA ditubuhkan (Berpindah ke Kementerian Pendidikan pada 1976)

Penubuhan Amanah Saham MARA Berhad (ASMB)

1968

Penubuhan Institut Kemahiran MARA (IKM)

1969

Penubuhan Yayasan Pelajaran MARA (YPM)

1972

Penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)

1977

Penubuhan Institut Perdagangan MARA (IPM)



1993

Akademi Infotech MARA (AIM)



1992

Penubuhan German-Malaysian Institute (GMI)



1986

Penubuhan GIATMARA
MARA Holding (diambilalih oleh Nadi Corp. Holding Sdn Bhd pada 2000)



1985

Penubuhan Kolej MARA
Kolej Yayasan Pelajaran MARA (KYPM)

1982

Pewujudan Program Kemudahan dan Perantisan (KPP)



2010

Pelancaran Program IBS-Hardware MARA

Pelancaran Pembiayaan Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)

2011

Pelancaran Pelan Strategik MARA 2011-2015

Pelancaran Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE)

MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX)

2012

Pelancaran Pelaburan MARA Berhad

Pewujudan Unit Penyelidikan dan Inovasi

Pewujudan Unit Integriti



2013

Memenangi Anugerah Kategori *Contribution to The Organisation Award* dalam Pembangunan Modal Insan sempena *Asia HRD Congress Award 2013*

Peng korporatan MARA Liner Sdn Bhd

Penubuhan Rural Capital Sdn. Bhd.



MAKLUMAT KORPORAT

Perutusan Pengerusi

Profil Ahli Majlis

Ahli Panel Pelaburan

Ahli Jawatankuasa Audit

Ringkasan Maklumat Korporat

Ahli Pengurusan

Carta Organisasi

Pusat Pentadbiran

Ringkasan Prestasi dan Kedudukan Kewangan

Laporan Pengurusan

MAJLIS MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang telah ditubuhkan melalui Akta Parlimen Tahun 1966 sebagai sebuah Badan Berkanun. Objektif utama MARA adalah menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera supaya menyertai dengan aktif dan maju dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan kecil dan sederhana ke arah pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berjaya dan kukuh.

Majlis MARA ialah badan tertinggi dalam struktur organisasi MARA. Ahli-ahli Majlis dilantik oleh YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan tempoh keahlian bagi lantikan pertama selama dua (2) tahun. Kombinasi anggota yang mantap daripada golongan profesional sektor awam dan swasta bermatlamat menjamin keutuhan perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar MARA ke arah mencapai visi dan misi organisasi.

KEWAJIPAN DAN KUASA-KUASA MAJLIS

Majlis MARA berkewajipan untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Malaysia khususnya kawasan luar bandar. Bagi mencapai hasrat ini, Majlis diberi kuasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri, di bawah Seksyen 6 (1) dan (2) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966, antaranya untuk:

- i. menjalankan segala usaha, khususnya pembangunan perusahaan komersial dan perindustrian yang berfaedah dan bersesuaian termasuk pembuatan, pemasangan, pemprosesan, pembungkusan, peningkatan dan pemasaran produk, penyelidikan dan latihan;
- ii. mempromosikan aktiviti melalui penubuhan atau bantuan kepada individu/badan-badan yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan aktiviti tersebut termasuk bantuan kewangan;
- iii. menjalankan aktiviti secara gabungan dengan individu, pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau pihak lain sebagai ejen mengurus bagi pihaknya atau sebaliknya;
- iv. membeli, menjamin tanggungan kerugian atau dengan menggunakan cara lain bagi memperoleh saham dan sekuriti kepada mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau badan lain, dan untuk menjual, memegang atau mengeluarkan semula, dengan atau tanpa jaminan, saham dan sekuriti sedemikian atau sebaliknya melupuskan atau berurusan dengannya; dan
- v. menubuhkan, mengendalikan dan menanggung institusi latihan dan pendidikan serta melakukan semua perkara yang bermanfaat atau secara munasabah, perlu atau berkaitan pelaksanaan fungsi ini.

JADUAL MESYUARAT MAJLIS MARA TAHUN 2013

Bagi merealisasikan kewajipan dan kuasa yang diamanahkan sepanjang tahun 2013, Majlis MARA telah mengadakan mesyuarat sebanyak lapan (8) kali dan secara edaran sebanyak tiga (3) kali seperti berikut:

BILANGAN MESYUARAT MAJLIS	TARIKH MESYUARAT	KEHADIRAN
Ke-388 (Bilangan 1 Tahun 2013)	20 Januari 2013	9 orang
Ke-389 (Bilangan 2 Tahun 2013)	21 Februari 2013	9 orang
Ke-390 (Bilangan 3 Tahun 2013)	18 April 2013	9 orang
Ke-391 (Bilangan 4 Tahun 2013)	6 Jun 2013	7 orang
Ke-392 (Edaran)	4 Julai 2013	-
Ke-393 (Bilangan 5 Tahun 2013)	11 Julai 2013	7 orang
Ke-394 (Edaran)	1 Ogos 2013	-
Ke-395 (Bilangan 6 Tahun 2013)	5 September 2013	8 orang
Ke-396 (Bilangan 7 Tahun 2013)	28 November 2013	9 orang
Ke-397 (Edaran)	9 Disember 2013	-
Ke-398 (Bilangan 8 Tahun 2013)	19 Disember 2013	11 orang

- Jumlah keahlian penuh adalah 11 orang




“Melalui PSM, MARA menggariskan empat (4) strategi utama berteraskan inovasi yang digerakkan oleh empat (4) sektor utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan, Pelaburan dan Khidmat Pengurusan.”

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sebagai sebuah *socio-economic engineering agency*, MARA telah melakukan pelbagai transformasi bagi memastikan kelangsungan organisasi ini di dalam membantu mensejahterakan pembangunan sosio ekonomi masyarakat Malaysia. Setiap usaha MARA dilaksanakan selari dengan agenda dan program Kerajaan seperti Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) dan yang terkini, Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB). Seiring dengan dasar kerajaan, Pelan Strategik MARA (PSM) 2011-2015 telah dirangka bagi menjadi pemacu kepada halatuju MARA secara holistik. Melalui PSM, MARA menggariskan empat (4) strategi utama berteraskan inovasi yang digerakkan oleh empat (4) sektor utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan, Pelaburan dan Khidmat Pengurusan. Sektor-sektor tersebut dilaksanakan secara pendekatan bersepadu dan diyakini mampu mengangkat visi MARA untuk menjadi sebuah organisasi amanah yang unggul dan diberkati bagi mengangkat martabat bangsa.



YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA
Pengerusi MARA

MAJLIS MARA



**YB Tan Sri Datuk Seri
Panglima Haji Annuar
bin Haji Musa**
Pengerusi

19 Jul 2013 - 18 Jul 2015



**YBhg. Datuk Ibrahim
bin Ahmad**
Timbalan Pengerusi/
Ketua Pengarah
* Dilantik sebagai Pengerusi
Sementara MARA pada
19 Apr 2013 - 18 Jul 2013

24 Nov 2010 - 23 Nov 2012
24 Nov 2012 - 23 Nov 2014



**YBhg. Dato' Ibrahim
bin Muhamad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan
Luar Bandar & Wilayah

16 Dis 2010 - 15 Dis 2012
16 Dis 2012 - 15 Dis 2014




**YBhg. Dato' Haji Rahim
bin Abu Bakar**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Belanjawan
Kementerian Kewangan
(Perbendaharaan)

01 Jun 2011 - 31 Mei 2013
01 Jun 2013 - 19 Jan 2014



**YBrs. Encik Nik Azman
bin Nik Abdul Majid**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

11 Jan 2012 - 10 Jan 2014



**YBhg. Dato' Haji Muhammad
Muhiyuddin bin Haji Abdullah**

16 Jul 2005 - 15 Jul 2007
16 Jul 2007 - 15 Jul 2009
16 Jul 2009 - 15 Jul 2011
16 Jul 2011 - 15 Jul 2013



**YBhg. Datuk Dr. Haji
Yusof bin Haji Yacob**

23 Jul 2009 - 22 Jul 2011
23 Jul 2011 - 22 Jul 2013
23 Jul 2013 - 22 Jul 2015



**YB Norol Azali
bin Sulaiman**

Ahli Dewan Undangan Negeri
(ADUN) Guai, Pahang

15 Mac 2010 - 14 Mac 2012
15 Mac 2012 - 18 Apr 2013



**YBhg. Datuk Haji Ariss
bin Samsudin**

02 Feb 2011 - 01 Feb 2013
02 Feb 2013 - 01 Feb 2015



**YBrs. Encik Nazir Hussin
bin Akhtar Hussin**

02 Ogos 2013 - 01 Ogos 2015



**YBhg. Profesor Emeritus
Dato' Dr. Abu Azam bin
Md. Yassin**

21 Ogos 013 - 20 Ogos 2015



**YB Kama Noriah
binti Haji Ibrahim**

04 Sep 2013 - 03 Sep 2015



**YB Datuk Haji Johan
bin Abd. Aziz**

29 Okt 2013 - 28 Okt 2015



YB Dato' Seri Idris bin Jusoh
*Mantan Pengerusi MARA

16 Jul 2008 - 15 Jul 2010
16 Jul 2010 - 15 Jul 2012
16 Jul 2012 - 18 Apr 2013

AHLI PANEL PELABURAN MARA (PPM)

BIL.	NAMA	ALAMAT
1.	YBHG. DATUK DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Ahli Majlis MARA)	TH5 Grace Ville Jalan Pantai Sembulan 88100 Kota Kinabalu Sabah
2.	YBHG. DATUK MOHD ROSDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil MARA)	Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan) MARA
3.	YBHG. DATIN JUNAIDAH BINTI ABDUL MAJID (Wakil MARA)	Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS)
4.	TUAN HAJI ZANUDIN BIN AB. RAHIM (Wakil MARA)	Ketua Pegawai Eksekutif FITEC
5.	PUAN SALMAH HAYATI BINTI GHAZALI (Ahli Turut Hadir PPM)	Pengarah Kanan (Pelaburan)
6.	ENCIK AZHAR BIN ABDUL MANAF (Setiausaha PPM)	Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari (BPPS)
7.	ENCIK KHALID BIN SUFAT (Wakil Luar)	No.15 Jalan SS 3/86 Kelana Jaya 47300 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
8.	ENCIK FAZLUR RAHMAN BIN EBRAHIM (Wakil Luar)	No. 27, Jalan BJ/6 Taman Bukit Jaya Bukit Antarabangsa 68000 Ampang
9.	ENCIK AB. JABBAR BIN ABDULLAH <i>Timbalan Setiausaha Bahagian</i> (Wakil Luar)	Bhg. Perancangan Strategik dan Antarabangsa Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Aras 13, Menara 4G1, Wisma Tani No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62624 Putrajaya
10.	ENCIK SHA'ARIN BIN ABDULLAH ANAS (Wakil Luar)	JKR 3412 Jalan Ampang Hilir 5 55000 Kuala Lumpur

AHLI JAWATANKUASA AUDIT MARA (JAM)

Pengerusi NOROL AZALI BIN SULAIMAN <i>Ahli Majlis MARA</i>		
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI	KEMENTERIAN KEWANGAN
Ahli DATO' IBRAHIM BIN MUHAMAD <i>Ketua Setiausaha KKLW</i>	Ahli NIK AZMAN BIN NIK ABDUL MAJID <i>Ahli Majlis MARA/UPE, JPM</i>	Ahli DATO' HAJI RAHIM BIN ABU BAKAR <i>Ahli Majlis MARA</i>
Ahli Silih Ganti SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HUSAIN	Ahli Silih Ganti ISMAIL BIN CHE HASSAN LUQMAN BIN AHMAD	Ahli Silih Ganti BAIDILLEH BIN GHAZALI

RINGKASAN MAKLUMAT KORPORAT

Pengerusi YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA	Pengarah Kanan Pendidikan Tinggi DATO' ABD RAHIM BIN HASHIM	Alamat Berdaftar IBU PEJABAT MARA 21, JALAN RAJA LAUT 50609 KUALA LUMPUR
Ketua Pengarah DATUK IBRAHIM BIN AHMAD	Pengarah Kanan Pelaburan SALMAH HAYATI BINTI GHAZALI	Alamat Laman Web www.mara.gov.my
Timbalan Ketua Pengarah Khidmat Pengurusan DATO' HANISAH BINTI OMAR	Setiausaha Majlis RUZLAN BIN ABDUL MALEK	Telefon +603-2613 2000
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan DATO' ABD RAHIM BIN ABD GHANI	Juruaudit Dalam BAHAGIAN AUDIT DALAM MARA	
Timbalan Ketua Pengarah Keusahawanan DATUK MOHD ROSDI BIN ISMAIL	Juruaudit Luar KETUA AUDIT NEGARA	

PENGURUSAN MARA

- MARA diterajui oleh Ketua Pengarah dengan dibantu oleh tiga (3) Timbalan Ketua Pengarah di bawah Sektor Keusahawanan, Sektor Pendidikan dan Sektor Khidmat Pengurusan. Selain itu, beliau turut memperoleh khidmat Pengarah Kanan Pelaburan dan Pengarah Kanan Pendidikan Tinggi.
- Ketua Pengarah bertanggungjawab untuk menyediakan program, skim atau projek bagi pertimbangan Majlis serta mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan-keputusan Majlis kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis, selain turut menyelia serta mengawal pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut.
- Pengarah dan Ketua Unit di peringkat Ibu Pejabat pula membantu pelaksanaan dalam operasi pentadbiran MARA yang disokong sepenuhnya oleh Pengarah MARA Negeri, Pegawai MARA Daerah termasuk Pengarah/ Pengetua Institusi Pendidikan MARA.

AHLI PENGURUSAN MARA 2013



YBHG. DATUK IBRAHIM BIN AHMAD
Ketua Pengarah MARA



YBHG. DATO' ABD RAHIM BIN ABD GHANI
Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan)



YBHG. DATO' HANISAH BINTI OMAR
Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan)



YBHG. DATUK MOHD ROSDI BIN HJ. ISMAIL
Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan)



DATO' ABD. RAHIM BIN HASHIM
Pengarah Kanan Pendidikan Tinggi



SALMAH HAYATI BINTI GHAZALI
Pengarah Kanan Pelaburan



MOHAMAD BIN SAMION
Pengarah Pembangunan
Usahawan



AZMI BIN MOHAMAD
Pengarah Penganjuran
Pelajaran



MOHD. FADZIL BIN GHAZALI
Pengarah Kemahiran
& Teknikal



**ABDUL RASHID
BIN MOHD SAID**
Pengarah Kewangan



**YBHG. DATIN JUNAIDAH
BINTI ABDUL MAJID**
Pengarah Dasar dan
Perancangan Strategik



MAHZAN BIN ATAN
Pengarah Pendidikan
Menengah



HASSAN BIN MOHD AMIN
Pengarah Pembangunan
Industri & Perniagaan



FUZIAH BINTI AHMAD
Pengarah Pemantauan
& Inspektorat



**RABIATUL ADAWIYAH
BINTI ISMAIL**
Pengarah Undang-Undang



HAMICHAN BIN ZAIN
Pengarah Kawalan
Kredit



**ROSNI BINTI
ZAINAL ABIDIN**
Pengarah Audit Dalam



RAMLI BIN SUDIN
Pengarah Industri
Pengangkutan



**MEGAT ZAKARIA BIN
MGT. AHMAD**
Pengarah Pengurusan
Aset & Perolehan



LATIPAH BINTI AHMAD
Pengarah Teknologi
Pendidikan



DR. NOR AINI BINTI AZIZ
Pengarah Penyelidikan
& Inovasi



AZHAR BIN ABDUL MANAF
Pengarah Pelaburan &
Pembangunan Subsidiari



ABDUL HALIM BIN ABAS
Pengarah Sumber Manusia



HASNI BINTI SULEIMAN
Pengarah Komunikasi Korporat



MOHD. KAMAL BIN ISMAIL
Pengarah Binaan
& Selenggaraan



**MOHAMMED SATARI
BIN HASHIM**
Pengarah Teknologi Maklumat




ADILAH BINTI HASSAN
Pengarah Pembangunan
Infrastruktur Perniagaan



RAMLI BIN DERAMAN
Timbalan Pengarah
Pembiayaan Perniagaan
(Menjalankan Tugas)

CARTA ORGANISASI



PUSAT PENTADBIRAN MARA

Setakat 2013, MARA mempunyai 544 Pusat Operasi termasuk lapan (8) di luar negara dan Anak Syarikat seperti berikut:

	PUSAT	BILANGAN
DALAM NEGARA	Ibu Pejabat MARA Pejabat MARA Negeri Pejabat MARA Daerah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM) Pusat Kepimpinan Pelajar (PUSKEP) Kolej MARA (KM) Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Institut Kemahiran MARA (IKM) Kolej Profesional MARA (KPM) GIATMARA & Pusat Pentadbiran GIATMARA JUMLAH PUSAT MARA DALAM NEGARA	26 14 112 49 1 1 5 10 13 6 245 482
LUAR NEGARA	MARA United Kingdom (London) MARA Amerika Syarikat (Washington DC) MARA Australia (Sydney) MARA Jerman (Frankfurt) MARA Rusia (Moscow) MARA Indonesia (Jakarta) MARA Ireland (Dublin) MARA Mesir (Iskandariah) JUMLAH PUSAT MARA LUAR NEGARA JUMLAH PUSAT MARA DALAM DAN LUAR NEGARA	1 1 1 1 1 1 1 1 8 490
SYARIKAT KOMERSIAL	Pelaburan MARA Berhad (PMB) MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.) Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB) Rural Capital Sdn. Bhd. (RCSB) MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB) JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT KOMERSIAL	1 1 1 1 19 23
SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. (UniKL) & Cawangan Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTM) Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Bhd. (DDEC) F.I.T. Center Sdn. Bhd. (FITEC) MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX) Institute Infotech MARA Sdn. Bhd. (IIM) GIATMARA Sdn. Bhd. JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	13 9 1 1 1 1 1 27
PERBADANAN DI BAWAH AKTA MARA SEKSYEN 25	Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	1
SYARIKAT DI BAWAH JAMINAN	German-Malaysian Institute (GMI)	1
SYARIKAT DORMAN	Kayu Sedia Sdn. Bhd.	1
SYARIKAT BERSEKUTU	Med Bumikar MARA Sdn. Bhd. (MBM) JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT MARA JUMLAH	1 54 544

Dua pusat baru yang dibuka pada tahun 2013 adalah MRSM Sandakan, Sabah dan MARA KETENGAH International College, Terengganu.


RINGKASAN PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN MARA BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Berikut ialah data utama daripada Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan MARA bagi tahun 2013 berbanding dengan 2012:

Bajet Mengurus yang diterima pada tahun 2013 ialah RM3,457.74 juta terdiri dari Geran Belanja Mengurus program Penganjuran Pelajaran sebanyak RM2,007.57 juta dan Geran Belanja Operasi sebanyak RM1,450.17 juta berbanding dengan RM3,478.03 juta pada tahun 2012.

Bajet Mengurus


■ 2013
■ 2012



Bajet Mengurus Operasi yang dilaporkan dalam Penyata Pendapatan 2013 adalah RM1,450.17 juta berbanding dengan RM1,390.42 juta pada tahun 2012.

Bajet Mengurus Operasi


■ 2013
■ 2012



Bajet Pembangunan yang diterima pada tahun 2013 adalah RM303.36 juta berbanding dengan RM1,052.35 juta pada tahun 2012.

Bajet Pembangunan


■ 2013
■ 2012



Sumber Dalam MARA (pendapatan kendalian dan lain-lain) berjumlah RM367.63 juta meningkat sebanyak 38.37% berbanding dengan RM265.69 juta pada tahun 2012.

Sumber Dalam (Pendapatan kendalian dan lain-lain)


■ 2013
■ 2012



Jumlah Perbelanjaan Aktiviti MARA pada tahun 2013 mencecah RM2,196.92 juta dengan peningkatan sebanyak 6.36% berbanding dengan RM2,065.58 juta pada tahun 2012.

Perbelanjaan Aktiviti


■ 2013
■ 2012



Lebihan pendapatan MARA yang direkodkan pada tahun 2013 adalah RM88.41 juta berbanding dengan RM12.9 juta pada tahun 2012.

Lebihan Pendapatan


■ 2013
■ 2012



Aset Semasa MARA setakat 31 Disember 2013 bernilai RM2,609.49 juta iaitu berkurangan sebanyak 16.49% berbanding dengan RM3,124.66 juta pada tahun 2012.

Aset Semasa


■ 2013
■ 2012



Aset Tetap MARA berjumlah RM16,948.86 juta pada 2013 meningkat 11.18% berbanding dengan RM15,244.08 juta setakat 2012.

Aset Tetap


■ 2013
■ 2012



Aset Bersih MARA mencatat pertumbuhan sebanyak 14.96% pada 2013 dengan jumlah RM7,986.71 juta berbanding dengan RM6,947.67 juta pada tahun 2012.

Aset Bersih

■ 2013
■ 2012



LAPORAN PENGURUSAN

Tahun 2013 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Pelan Strategik MARA (PSM) 2011-2015. Sepanjang tahun ini pelbagai transformasi telah dilaksanakan untuk memastikan sistem penyampaian MARA terus efisien dan efektif. Inovasi yang diberikan kepada inisiatif sedia ada terus seiring ke arah menjadikan MARA sebuah organisasi yang berteraskan keusahawanan (Entrepreneurial Based Organization), selaras dengan saranan pimpinan utama negara. Perubahan-perubahan yang dilaksanakan ini terus konsisten dengan sokongan agenda kerajaan melalui lima strategi yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) pada tahun ini. Mengambil kira sebanyak 544 pusat pentadbiran MARA termasuk 337 institusi pendidikan di seluruh negara, 19 buah syarikat dan 8 pejabat di luar negara dengan kekuatan 18,120 modal insan yang mendokong setiap aktiviti MARA ini, diyakini PSM mampu mencapai sasaran. Buktinya, pada tahun 2013 kesemua sektor utama yang menjadi tonggak penggerak kepada tercapainya objektif, misi dan visi MARA telah mula membuahkan hasil.

Sektor Keusahawanan telah berjaya membangunkan seramai 25,831 orang usahawan baharu bagi tahun ini. Pencapaian ini melebihi separuh daripada sasaran untuk lima (5) tahun PSM 2011-2015, iaitu membangunkan seramai 40,000 orang usahawan baharu. Manakala matlamat kita untuk menyalurkan kepada seramai 16,500 orang penerima kemudahan pembiayaan MARA sepanjang tempoh PSM melalui sektor ini juga telah dicapai dengan jumlah seramai 8,005 orang usahawan yang telah memperoleh kemudahan ini pada tahun 2013. Antara inisiatif dalam memacu kejayaan program keusahawanan ialah program *conversion* dan pembangunan usahawan korporat. Seramai 128 orang usahawan *Groom Big* telah dimantapkan di seluruh Malaysia berbanding sasaran 100 orang yang ditetapkan. Penerapan nilai keusahawanan yang bersepadu di dalam MARA membolehkan MARA menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara serta penciptaan kekayaan (wealth creation) melalui kejayaan usahawan.

Pendidikan berteraskan nilai-nilai murni, berkemahiran dan berpengetahuan yang berorientasikan keusahawanan terus diutamakan. Usaha ke arah pencapaian matlamat ini dilaksanakan melalui dua laluan utama iaitu

“Seramai 128 orang usahawan *Groom Big* telah dimantapkan di seluruh Malaysia berbanding sasaran 100 orang yang ditetapkan. Penerapan nilai keusahawanan yang bersepadu di dalam MARA membolehkan MARA menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara serta penciptaan kekayaan (wealth creation) melalui kejayaan usahawan.



“

Berdasarkan pencapaian tahun ini menunjukkan hasil program transformasi yang diperkenalkan kerajaan telah mendorong kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. MARA yakin, tindakan melaksanakan beberapa inovasi dan transformasi dalam program dan sistem penyampaian MARA mampu memberi pulangan kepada negara dari segi menambah peluang pekerjaan dan penciptaan kekayaan rakyat.

Pendidikan Akademik dan Pendidikan Teknikal & Vokasional (TVET). Bagi tahun 2013, seramai 7,400 pelajar telah menyempurnakan pendidikan menengah berteraskan Sains dan Matematik di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Selain itu, dengan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian dan inovasi yang dilaksanakan oleh Sektor Pendidikan, seramai 655 orang pelajar telah berjaya ditempatkan di universiti terkemuka dunia. Mengambil kira kepesatan dan perubahan ekonomi negara, MARA merasakan perlunya sumbangan dalam menyediakan guna tenaga separa profesional dan profesional negara. Oleh itu, dalam tahun dinilai, MARA telah menyediakan seramai 20,286 orang guna tenaga ini iaitu pencapaian sebanyak 101.43 peratus sasaran tahunan. Bagi sumbangan terhadap guna tenaga teknikal dan profesional pula, melalui program-program TVET MARA, seramai 29,059 orang guna tenaga tersebut berjaya dilahirkan berbanding dengan sasaran tahunan sebanyak 25,000 orang.

Penubuhan Sektor Pelaburan MARA merupakan suatu usaha menjana pendapatan bagi menyokong program MARA dalam bidang keusahawanan dan pendidikan. Pada tahun 2013 sektor ini telah memperoleh pendapatan RM1.26 bilion berbanding dengan sasaran RM1 bilion. Aktiviti kawalan kredit juga berjaya membuat kutipan sebanyak RM909 juta pada tahun 2013.

Sektor Khidmat Pengurusan turut diberi suntikan inovasi pada tahun 2013. Pembangunan bakat dalam kalangan warga MARA telah diberi tumpuan bagi memperkasakan sistem penyampaian MARA. Seramai 511 warga kerja telah berpeluang mempertingkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian di institusi dalam dan luar negara. Menyedari kepentingan integriti dalam kalangan warga kerja, MARA telah mengadakan kerjasama dengan semua agensi berkaitan bagi memperkukuh tahap nilai integriti dalaman MARA.

Berdasarkan pencapaian tahun ini ia membuktikan program transformasi yang diperkenalkan kerajaan telah mendorong kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. MARA yakin, tindakan melaksanakan beberapa inovasi dan transformasi dalam program dan sistem penyampaian MARA mampu memberi pulangan kepada negara dari segi menambah peluang pekerjaan dan penciptaan kekayaan rakyat. Kesemua sektor utama MARA telah menyumbang kepada pembangunan modal insan sesuai dengan peranan MARA dalam menerajui pembangunan modal insan (Human Capital Development) negara. MARA akan terus komited dalam memastikan organisasi yang unggul ini terus relevan menjadi organisasi *socio-economic engineering* kepada negara selaras dengan Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi.



DATUK IBRAHIM BIN AHMAD

Ketua Pengarah MARA

JABATAN KETUA PENGARAH

Pelaksanaan Dasar dan Perancangan Strategik
Pengauditan Dalaman
Khidmat Perundangan
Komunikasi Korporat
Penyelarasan Pengurusan
Pengurusan Hal Ehwal Majlis
Penyelidikan dan Inovasi
Integriti

JABATAN KETUA PENGARAH MARA

Sebagai sebuah *socio-economic engineering agency*, MARA memegang amanah utama dalam agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera. Maka, MARA perlu unggul dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan dengan objektif membangunkan usahawan berjaya dan inovatif, melahirkan modal insan global dan berintegriti serta menyumbang kepada pemilikan ekuiti Bumiputera. Peranan Ketua Pengarah MARA sebagai peneraju organisasi amat penting dalam menggerakkan pencapaian visi, misi dan objektif MARA. Justeru, pewujudan Jabatan Ketua Pengarah MARA adalah untuk memperteguh peranan tersebut. Selain dibantu oleh Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Kanan bagi Sektor Keusahawanan, Pendidikan, Khidmat Pengurusan dan Pelaburan, fungsi-fungsi utama pengurusan korporat MARA diletakkan terus di bawah Jabatan Ketua Pengarah MARA melalui bahagian atau unit yang menjalankan peranan berikut:

- Merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar serta perancangan strategik MARA;
- Memantapkan kawalan dalaman dan tadbir urus korporat melalui fungsi pengauditan;
- Khidmat nasihat perundangan korporat;
- *Strategic positioning* melalui komunikasi korporat yang efektif;
- Menyelaraskan *information flow* yang efektif daripada pihak Pengurusan MARA kepada pusat-pusat MARA, dan sebaliknya;
- Pengurusan hal ehwal Majlis MARA;
- Memperkaya idea-idea baharu dan inovatif melalui penyelidikan dan inovasi; dan
- Mengukuhkan tahap integriti di kalangan warga MARA.

Pelaksanaan Dasar dan Perancangan Strategik

Dalam memastikan dasar transformasi Kerajaan di bawah Gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang meliputi Model Baru Ekonomi (NEM) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Pelan Strategik MARA telah diselaraskan dan dipantau oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik MARA (BDPS).

BDPS juga menyelaraskan permohonan Bajet Pembangunan MARA dan dana-dana lain daripada Agensi Pusat serta memantau prestasi fizikal dan perbelanjaan projek/program pembangunan MARA secara keseluruhan. Sehingga penghujung 2013, MARA telah menerima Bajet Pembangunan RMKe-10 (2011-2013) sebanyak RM2.351 bilion bagi melaksanakan 157 projek/program. Prestasi belanja pembangunan pada tahun 2013 adalah 99.67% iaitu RM302,371,000.10 daripada peruntukan tahunan sebanyak RM303,361,800.

Laporan Tahunan MARA dan Laporan Transformasi MARA disediakan setiap tahun serta Data Korporat MARA disediakan pada setiap bulan. BDPS juga turut melaporkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan keberhasilan (outcome) yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik MARA 2011-2015.

Empat (4) Kajian Penilaian Outcome projek/program yang telah dijalankan ialah :

- i. Kebolehpasaran Pelajar – Pelajar Kolej Profesional MARA
- ii. Keberkesanan Penubuhan Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM)
- iii. Pencapaian Pelajar Di bawah Sistem Pendidikan MRSM dalam PMR dan SPM tahun 2011
- iv. Pembangunan ICT MARA Dalam Meningkatkan Produktiviti Warga Kerja MARA

Dua (2) kajian telah mendapat Anugerah Kajian Penilaian Outcome terbaik pada Hari Inovasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) 2013 iaitu:

- i. Kajian keberkesanan Penubuhan Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM) - **Tempat Pertama**
- ii. Kajian Kebolehpasaran Pelajar-pelajar Kolej Profesional MARA - **Tempat Ketiga**



BDPS juga bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan projek/program MARA di bawah inisiatif transformasi Kerajaan seperti Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Mini RTC, Desa Lestari, Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) dan Program Mentor Menti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).



“Setakat akhir tahun 2013, MARA terlibat dalam 123 projek/program di bawah program inisiatif transformasi Kerajaan.”

BDPS juga bertanggungjawab ke atas beberapa Jawatankuasa (JK) di peringkat Kementerian seperti JK Penyelarasan Pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, JK *Inter Agency Planning Group* (IAPG), JK *Technical Working Group* (TWG) Bumiputera dan Focus Group di bawah RMKe-11, JK Pembelajaran Sepanjang Hayat, JK Pelaksanaan Micro Sourcing untuk Golongan B40 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta JK Teknikal Usahawan dan Pendidikan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Pengauditan Dalaman

Bagi memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MARA mengikut peraturan dan arahan yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada MARA dan pemegang kepentingan, Bahagian Audit Dalam (AuD) bertanggungjawab melaksanakan pengauditan di samping memberikan khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan yang dapat memantapkan kawalan dalaman dan tadbir urus korporat.

Aktiviti pengauditan meliputi audit pematuhan, prestasi, siasatan, penampilan/ pemeriksaan mengejut dan susulan. Pencapaian pengauditan dalaman adalah seperti berikut:




Khidmat Perundangan

Selaras dengan objektif untuk memastikan semua perancangan dan dasar aktiviti, program dan projek MARA dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan selain meningkatkan kecekapan sistem penyampaian MARA, fokus utama perkhidmatan perundangan yang dilaksanakan oleh Bahagian Undang-Undang (BUU) meliputi:

i. Khidmat Perundangan Korporat


a. Penggubalan/Semakan Perjanjian

BUU telah menyediakan, menggubal dan menyemak sejumlah 219 memorandum persefahaman/ perjanjian melibatkan pelbagai program, projek dan aktiviti MARA termasuk program pembangunan modal insan.




b. Khidmat Nasihat Perundangan

Pada tahun 2013, sejumlah 305 khidmat nasihat perundangan telah diberikan kepada semua sektor terlibat.




c. Aktiviti/Program Bahagian

Pelbagai kursus dan program dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan undang-undang dan kecekapan dalam bidang yang berkaitan. Selain itu BUU juga turut mengadakan sesi *engagement* dengan agensi-agensi serta badan-badan korporat sebagai inisiatif dalam menjalinkan kerjasama dengan pihak-pihak luar. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan PMN, PMD, Penolong Pegawai Tadbir (Penguatkuasaan), Guru, Warden IPMa, Jabatan Peguam Negara, HICOM, TERAJU, TNB dan Malaysia Airports Holding Berhad.



ii. Litigasi

Sebagai usaha bagi mendapatkan bayaran balik pinjaman secara cekap dan berkesan, tindakan penguatkuasaan terhadap peminjam/penjamin yang ingkar telah dilaksanakan oleh BUU.



Hasil daripada usaha tersebut, kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran yang berjaya dikutip oleh BUU bagi tahun 2013 ialah sebanyak RM8,843,044.00.


Komunikasi Korporat

Salah satu objektif MARA adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian serta kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Beberapa inisiatif dan usaha telah digerakkan sepanjang 2013 bagi tujuan ini. Usaha juga dilakukan untuk meningkatkan imej korporat MARA serta *strategic positioning* bersesuaian dengan moto MARA "Keusahawanan dan Pendidikan Global".

i. Perkhidmatan Pelanggan dan Aduan MARA

Keberkesanan sistem penyampaian telah diperhalusi dengan mewujudkan Pusat Khidmat Pelanggan MARA bersifat holistik selain mengadakan Hari Bertemu Pelanggan sebanyak lima (5) kali di Ibu Pejabat MARA. Ia menjadi saluran kepada penyelesaian masalah berkonsepkan mesra pelanggan. Dari aspek pengurusan aduan, kesemua 1,505 aduan awam yang diterima melalui pelbagai saluran sama ada melalui sistem e-aduan MARA, surat khabar, Biro Pengaduan Awam, e-mel, SMS, telefon, surat serta laman web telah berjaya diselesaikan dalam jangka masa yang ditetapkan.







ii. Media

Usaha penyampaian maklumat kepada kumpulan sasaran dilakukan melalui pelbagai media cetak dan elektronik.

Bagi promosi media cetak, sebanyak 21 rencana khas MARA dan satu sisipan khas telah diterbitkan. Melalui media elektronik, sebanyak 254 *spot announcement* telah diadakan.



Sejumlah 66 program bual bicara serta lintas langsung melalui RTM dan TV3 turut diadakan bagi membincang pelbagai program MARA. Selain itu, pencapaian MARA turut dihebahkan kepada khalayak melalui 2,599 liputan akhbar, 484 liputan di televisyen dan 312 liputan radio.



Jumlah pengunjung Blog e-Warta MARA mencapai purata 5,000 sebulan dan Facebook MARA menerima 117,004 'likes' meletakkan MARA di kedudukan ke-5 dalam laman media sosial agensi kerajaan yang dipantau oleh MAMPU.



iii. Pengukuhan Jenama Melalui Pameran dan Karnival

Ke arah pengukuhan jenama MARA sebagai pembangun modal insan yang utama, program bersifat karnival dan pameran telah dianjurkan bagi mendekati *touch points* dan pemegang kepentingan MARA.





Penyertaan MARA dalam pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition*.

iv. Program Pembangunan Komuniti dan Pelajar

MARA turut berusaha untuk meningkatkan pencapaian tahap pendidikan melalui program:

- Program Kepimpinan dan Anak Angkat (Nukleas)
- Program Peningkatan Prestasi (3P)
- Program *Outreach* dan *Finishing School* (Keterampilan Graduan)



Penyelarasan Pengurusan

Unit Penyelaras (UPL) berfungsi sebagai sekretariat Pengurusan MARA yang bertanggungjawab menyelaras setiap keputusan yang dibuat, khususnya oleh Pengurusan Tertinggi MARA dengan semua pusat pentadbiran melalui sistem penyampaian yang cekap dan berintegriti.

Dalam melaksanakan fungsinya, UPL bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:


- Pengendalian semua mesyuarat jawatankuasa peringkat Pengurusan MARA dan pembentangan prestasi, Pengurusan MARA dan Pengarah MARA Negeri merangkumi penjadualan mesyuarat/pembentangan, jemputan serta kehadiran, penyelarasan kertas cadangan/makluman, penyediaan tempat, catatan dan pengedaran minit, serta susulan maklum balas minit-minit mesyuarat;
- Penyelarasan dengan semua pusat pentadbiran MARA bagi memastikan setiap perancangan yang dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi MARA dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan;
- Penyediaan dan pengemaskinian kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah MARA, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Kanan ke atas bahagian-bahagian MARA selaras dengan Seksyen 7 Akta MARA;
- Pengemaskinian Terma Rujukan (Term of Reference) semua Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Kanan dan Ahli-ahli Pengurusan MARA;
- Penyelarasan bagi semua susulan maklum balas dan kertas kerja yang diperlukan oleh pihak Kementerian daripada Pengurusan MARA; dan
- Penyediaan bahan dan laporan kajian terkini daripada sumber yang berwibawa untuk rujukan dan kegunaan Pengurusan Tertinggi MARA.

Aktiviti UPL pada 2013 adalah seperti berikut:

UPL mengendalikan 81 mesyuarat bagi lapan jawatankuasa di bawah Pengurusan MARA.



UPL mengurus setia 221 pembentangan bagi perancangan dan prestasi di peringkat Sektor, Bahagian, Subsidiari dan Pejabat MARA Negeri kepada Pengurusan Tertinggi MARA.



Sebanyak 491 kertas cadangan dan perancangan telah dinilai, dibahas dan diputuskan di peringkat pengurusan MARA manakala 93 maklum balas dan kertas kerja Pengurusan MARA telah diselaraskan untuk diangkat ke pihak Kementerian.

Pengurusan Hal Ehwal Majlis MARA

Pengurusan hal ehwal Majlis MARA telah dikendalikan oleh Unit Urus Setia Majlis. Pengurusan kesetiausahaan yang efektif telah membolehkan perkara-perkara berkaitan dasar dibincangkan untuk keputusan Majlis MARA.

Sepanjang 2013, Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dilantik telah mengadakan mesyuarat seperti berikut:

JAWATANKUASA DI BAWAH MAJLIS MARA	BILANGAN MESYUARAT
Lembaga Perolehan MARA 'A'	4
Lembaga Perolehan MARA 'B'	24
Perjawatan MARA	7
Audit MARA	4
Rayuan MARA	1
Panel Pelaburan MARA	5
Kenaikan Pangkat Tinggi MARA	4
Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan MARA	2
Tatatertib dan Rayuan Tatatertib MARA	14
Majlis Sektor Keusahawanan MARA	2
Majlis Sektor Pendidikan MARA	4
JUMLAH	71

Selain itu juga, penyelarasan turut dibuat untuk penyempurnaan Dokumen Kanun Tanah Negara, Surat Perjanjian, Memorandum Persefahaman (MoA/MoU) serta Surat Wakil Kuasa. Dokumen-dokumen yang disempurnakan adalah seperti berikut:

530

Dokumen Kanun Tanah Negara
(Surat Cara Pindah Milik Tanah, Pajakan Gadai & Melepaskan Gadai)

53

Dokumen Perjanjian
(MoA/MoU)

32

Dokumen Perwakilan Kuasa Kepada Pegawai-Pegawai MARA

Penyelidikan dan Inovasi

Tanggungjawab meneraju dan menyelaras aktiviti inovasi dan penyelidikan dalam MARA telah dilaksanakan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi (UNI). Program inovasi telah berjaya mengetengahkan idea-idea baharu dan inovatif dalam kalangan warga kerja MARA.

Sepanjang tahun 2013 UNI telah melaksanakan program berikut:

- i. Pembudayaan Inovasi
 - Hari Inovasi MARA
 - Program Pembudayaan Inovasi
 - Penyebaran Perkongsian Maklumat

- ii. Pengupayaan Penyelidikan

**SKIM GERAN PENYELIDIKAN
INOVASI MARA**

52

Penerima telah menerima peruntukan berjumlah

RM2.302 JUTA

**PENERBITAN JURNAL
PENDIDIKAN DAN LATIHAN &
MARA INNOVATION JOURNAL**

2

Jurnal diterbitkan dua kali setahun pada bulan

JUN & DISEMBER

- iii. Persidangan Pendidikan MARA 2013

10

**Resolusi
terhasil**

- Kepimpinan
- Pembangunan pelajar
- Pengurusan sumber

- Pengantarabangsaan
- Persekitaran kondusif

- iv. Persidangan Penyelidikan Kualitatif

30

**Penyertaan
warga MARA**

**Membantu dalam kajian
peringkat Sarjana Kedoktoran**

- v. Bengkel Kajian Tindakan

30

**Penyertaan
warga MARA**

**Melaksanakan kajian
tindakan di pusat**

- vi. Pengurusan Hasil Inovasi

**INTELLECTUAL PROPERTY
AND COMMERCIALISATION
POLICY**

118

Learning Object telah didaftarkan di bawah Akta Hak Cipta.

5

logo baru premis didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan.

20

Penyertaan warga MARA dalam Bengkel Reka Bentuk dan *Patent Drafting*.

15

Lawatan kerja warga MARA ke Singapura bagi mendapatkan input mengenai penggubalan manual *Intellectual Property and Commercialisation*.



Penyertaan MARA Dalam International Technology Expo (ITEX) & Malaysia Technology Expo (MTE)



Lawatan Kerja Singapura



Penyertaan Dalam Bengkel Reka Cipta

Integriti

Dalam usaha memperkasakan urus tadbir korporat, Unit Integriti MARA dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melaksanakan pelbagai usaha memerangi rasuah dan mengukuhkan tahap integriti warga kerja MARA. Aktiviti yang dilaksanakan menggunakan Pendekatan 3P (Pembudayaan Integriti, Penghayatan Integriti dan Punitif/Intervensi) adalah seperti berikut:

AKTIVITI	PENCAPAIAN
<i>Engagement</i> bersama PMN & Pusat Pentadbiran MARA termasuk subsidiari	19 kali
Program Pemantapan Integriti	3 kali
Pelancaran Program Integriti	2 kali
Kursus Pengurusan Rasuah dan Integriti	14 kali
Kursus <i>Training for Trainer</i> (TOT) bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan SPRM	2 kali
Pameran Integriti	2 kali
Penyediaan dan Pelancaran Pelan Integriti MARA (PIM) dan Kod Etika MARA (KEM)	1 kali
Penyerahan <i>Corporate Integrity Pledge</i> (CIP) oleh vendor MARA kepada Ketua Pengarah MARA	1 kali
Majlis menandatangani MoU antara MARA dan IIM	1 kali
Edaran Pelan Integriti MARA (PIM) dan Kod Etika MARA (KEM) kepada pusat pentadbiran MARA dan subsidiari	Telah dimuat naik dalam MARAnet
Edaran cakera padat (CD) dan bahan informasi integriti kepada pusat pentadbiran MARA dan subsidiari	76 pusat
Kunjung hormat ke pusat pentadbiran MARA, subsidiari dan agensi-agensi lain	6 agensi/ pusat pentadbiran MARA/ subsidiari
Mesyuarat kesetiausahaan	13 mesyuarat
Dasar Integriti	Garis Panduan Pelaksanaan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pendidikan MARA (SPR IPMa)

SEKTOR KEUSAHAWANAN

Pembangunan Usahawan

Pembangunan Industri dan Perniagaan

Pembangunan Infrastruktur Perniagaan

Pembiayaan Perniagaan

Glocal Link (M) Sdn. Bhd.

Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Bhd. (DDEC)

F.I.T. Center Sdn. Bhd. (FITEC)

SEKTOR KEUSAHAWANAN

KPI	SASARAN 5 TAHUN - Membangunkan 40,000 usahawan baru - Pencapaian 2013: 25,831 usahawan	SASARAN 5 TAHUN - Menyalurkan pembiayaan perniagaan kepada 16,500 usahawan - Pencapaian 2013: 8,005 usahawan	SASARAN 5 TAHUN - Memantapkan 500 usahawan <i>Groom Big</i> - Pencapaian 2013: 128 usahawan
OUTCOME	- Usahawan Korporat - Teknousahawan	- Usahawan Peruncitan - Usahawan Pembuatan	Kontraktor Wibawa

Kerangka Transformasi Sektor Usahawan

Strategi

- Pembangunan Usahawan Baru
- Pemantapan Usahawan Sedia Ada
- Pembangunan Enterprise

Program

- Pembentukan Usahawan (BPU)
- Pemasaran (GLOCAL LINK SDN BHD)
- Peluang Perniagaan (BPIP)
- Penjenamaan (DDEC)
- Pembiayaan (BPN)
- Latihan Perindustrian (FITEC)

Matlamat

- Usahawan Korporat
- Teknousahawan
- Usahawan Peruncitan
- Usahawan Pembuatan
- Kontraktor Wibawa

Sektor Keusahawanan MARA ialah pemacu dalam pembangunan keusahawanan melalui pewujudan dan pemerkasaan usahawan, pembangunan *enterprise* dan penyediaan kemudahan bagi melengkapi ekosistem keusahawanan yang kondusif. Inisiatif ini direalisasikan secara bersepadu dengan memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:

- Pembudayaan keusahawanan, pewujudan usahawan baharu dan pemantapan usahawan sedia ada melalui latihan, pembangunan *standard* perniagaan dan pendedahan pemasaran;
- Pembangunan rantaian industri yang mampan bagi mencipta peluang perniagaan dalam bidang pengilangan, peruncitan, pembinaan, teknikal dan lain-lain;
- Penyediaan premis perniagaan dan perusahaan di lokasi terpilih bagi mempersiapkan usahawan menjadi lebih kompetitif; dan
- Pembiayaan perniagaan bagi pengembangan perniagaan dan pembangunan kontraktor berwibawa.

Sepanjang 2013, pencapaian Sektor Keusahawanan menunjukkan peningkatan dua kali ganda dari segi penglibatan bilangan usahawan iaitu 25,831 orang. Selain skim pembiayaan bernilai RM776 juta, kemudahan premis dengan bayaran sewa yang berpatutan juga telah melonjakkan pendapatan tahunan komuniti usahawan ini mencecah nilai RM3 billion.

Prestasi ini berkait rapat dengan inisiatif MARA yang telah menjalin kerjasama dengan rakan strategik seperti institusi kewangan, perbadanan pembangunan koridor wilayah, organisasi dan agensi di dalam dan di luar negara bagi mengukuhkan tahap pendapatan usahawan yang mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pembangunan Usahawan

Program Pembangunan Keusahawanan mengambil kira pewujudan usahawan baharu bagi merancakkan ekonomi negara khususnya dalam 12 bidang strategik yang digariskan di bawah NKEA. Di samping itu usahawan yang telah sedia bergiat dalam perniagaan turut diperkasa agar teguh untuk bersaing hingga ke peringkat global.

i. Latihan Keusahawanan

Latihan merupakan komponen penting bagi membudayakan keusahawanan dalam masyarakat untuk menggalakkan penyertaan dan seterusnya diperkukuhkan untuk menjadi usahawan berjaya. Sepanjang tahun 2013 program latihan dikendalikan secara *outreach* dan disertai oleh sejumlah 23,478 orang dari peringkat pembudayaan hingga ke peringkat pengukuhan seperti berikut:

SASARAN	5,000	949	949
PENCAPAIAN	13,056	1,666	8,756
	Pelajar dan bakal usahawan menyertai program Pembudayaan Keusahawanan	Bakal usahawan mengikuti program Pewujudan Usahawan	Usahawan yang diberi nilai tambah melalui program Peningkatan dan Pengukuhan Usahawan

ii. Pembangunan Teknousahawan

Pembangunan usahawan berteknologi atau teknousahawan dijalankan melalui dua (2) program utama iaitu Program Sarjana Tekno Keusahawanan (PSTK) dan Program Peningkatan Teknologi Strategik (PPTS). Kedua-dua program ini menyediakan peluang bagi melonjakkan usahawan SME ke tahap yang lebih tinggi melalui peningkatan teknologi dengan kerjasama rakan strategik dari dalam dan luar negara.

SASARAN	PENCAPAIAN	Bilangan teknousahawan yang telah dibangunkan.
355	858	

iii. Pembangunan *Standard* Perniagaan

Pembangunan *standard* perniagaan turut diberi penekanan pada tahun 2013 bagi melengkapkan usahawan dengan perniagaan yang memenuhi piawaian hingga ke peringkat persijilan seperti ISO, GMP dan HACCP, di samping pembangunan syarikat. Program ini diwujudkan untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat bagi menyediakan usahawan yang mampu berdaya saing hingga ke peringkat global.

SASARAN	PENCAPAIAN	Bilangan usahawan yang telah dimantapkan melalui program Pembangunan Standard Perniagaan.
100	128	

iv. Pembangunan Pemasaran

Pembangunan Pemasaran telah memberi pendedahan dan peluang kepada lebih ramai usahawan untuk meluaskan akses pasaran bagi produk serta perkhidmatan mereka sehingga ke peringkat global. Ini dilaksanakan melalui pelbagai promosi pemasaran, pemadanan dan rangkaian perniagaan.

SASARAN

2,212

PENCAPAIAN

1,367

Bilangan penyertaan dalam pelbagai aktiviti Program Pembangunan Pemasaran.



Pembangunan Industri dan Perniagaan

Pembangunan Industri dan Perniagaan bertujuan mencipta peluang perniagaan dalam rantaian industri, khususnya yang baharu, bagi membolehkan produk usahawan menembusi pasaran hingga ke peringkat global. Inisiatif ini telah dimantapkan lagi dengan usaha pengukuhan pegangan ekuiti dalam syarikat bagi usahawan Bumiputera.

i. Inkubator Teknologi Perkilangan (INTEP)

Penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor perkilangan telah ditambah melalui program INTEP. Program ini telah membantu membangunkan syarikat pengeluaran yang mampu memenuhi permintaan domestik dan global.



2

syarikat

RM3.9 juta

Nilai kemudahan

Syarikat yang telah mendapat kemudahan INTEP

ii. Pembangunan Usahawan Korporat

Pembangunan Usahawan Korporat, melalui Program The Baron, bermatlamat memperkuat usahawan Bumiputera dalam syarikat yang berpotensi maju dengan meningkatkan pegangan ekuiti yang dimiliki. Ini membolehkan usahawan tersebut memperoleh kuasa untuk menerajui pengurusan syarikat berkaitan. Program ini turut memberi penekanan terhadap pemindahan kepakaran dan teknologi asing melalui penguasaan ekuiti di dalam syarikat *multi-national*.



SASARAN

10

PENCAPAIAN

18

Usahawan korporat yang telah dibangunkan di bawah program *The Baron*.

iii. Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK)

PUTEK ialah strategi conversion untuk menjadikan golongan yang memiliki kemahiran teknikal menceburi bidang keusahawanan. Golongan sasar bagi program ini adalah lepasan pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti UniKL, KKTM, IKM, GIATMARA, dan juga institusi kemahiran teknikal lain seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Politeknik.

SASARAN

100

PENCAPAIAN

160

Bilangan usahawan teknikal yang telah dibangunkan di bawah PUTEK.

iv. Pembangunan Usahawan IBS (*Industrialised Building System*)

Program ini bertujuan untuk menyediakan suatu rantai industri binaan berkonsepkan IBS dari peringkat pengeluar/pengilang, pengedar/*vendor* hingga kepada peringkat kontraktor pemasangan (*installer*).

Selain menyediakan para usahawan bagi merebut peluang yang wujud dalam transformasi industri pembinaan negara, program ini juga memberi fokus kepada latihan penggunaan IBS bagi tujuan mengurangkan ketergantungan terhadap tenaga buruh asing.



SASARAN

5

PENCAPAIAN

6

Bilangan syarikat pengilang IBS yang telah diwujudkan.

SASARAN

1,360

PENCAPAIAN

1,244

Bilangan *installer* yang telah mengikuti latihan penggunaan sistem IBS.

SASARAN

60

PENCAPAIAN

60

Bilangan *installer* yang telah mengikuti program latihan kontraktor

v. **Program Transformasi Peruncitan MARA (PTPM)**

Bagi meningkatkan imej perniagaan peruncitan Bumiputera, langkah *repositioning* melalui transformasi *outlet* yang memberi gambaran peruncitan moden, efisien dan menepati standard persekitaran, telah dilaksanakan melalui PTPM.



SASARAN

40

PENCAPAIAN

40

Bilangan usahawan yang telah
dibangunkan melalui Program
Transformasi Peruncitan MARA.

vi. **Pembangunan Smart Auto**

Smart Auto merupakan salah satu usaha untuk melahirkan dan mengembangkan perniagaan bengkel automotif Bumiputera yang menyediakan rangkaian 3S, 2S atau 1S (*sales, service dan spareparts*). Melalui program ini, taraf piawaian bengkel sedia ada ditingkatkan ke skala yang lebih besar menjadikan bengkel tersebut lebih berdaya saing.



SASARAN

6

PENCAPAIAN

8

Usahawan di bawah
Program Smart Auto

vii. Usahawan Kecil Dinamik (UKD)

Fokus turut diberikan kepada pembangunan golongan usahawan kecil yang beroperasi di kiosk atau sebagai penjaja terutama dari golongan muda bagi menambah modal pusingan perniagaan mereka melalui Program Usahawan Kecil Dinamik (UKD).



SASARAN

1,670

PENCAPAIAN

2,187

Bilangan usahawan mendapat manfaat Program UKD

viii. Inkubator Teknologi Makanan (INTEM)

INTEM ialah satu inisiatif baru MARA dalam membangunkan industri pengeluaran produk makanan Bumiputera melalui pewujudan inkubator dan *validation lab* bagi membantu dalam pembangunan teknologi makanan. Inisiatif ini dilaksanakan bersama dengan UniKL Malaysia Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET) dan dirancang untuk beroperasi sepenuhnya pada tahun 2014.



Pembangunan Infrastruktur Perniagaan


Pembangunan Infrastruktur Perniagaan merupakan satu daripada usaha bagi melengkapi ekosistem dalam pembangunan keusahawanan. Melalui inisiatif ini MARA mengambil langkah menyediakan premis perniagaan dan perusahaan di kawasan terpilih untuk disewakan kepada usahawan mengikut kadar sewa yang bersesuaian. Inisiatif ini turut dilengkapi secara integrasi dengan program pembangunan usahawan yang lain seperti latihan dan pembangunan industri dan perniagaan.

13

Projek infrastruktur perniagaan di bawah RMKe-10 dengan peruntukan

RM143 juta

Pada tahun 2013, jumlah ruang niaga dan pengisian penyewaan premis masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 1.78% dan 1.51% berbanding tahun sebelumnya. Ini berikutan kerja-kerja penambahbaikan dan penggabungan beberapa lot telah dilaksanakan untuk kemudahan para penyewa. Jumlah projek pula menunjukkan peningkatan sebanyak 0.6%, manakala kutipan sewa meningkat 6.4% berbanding tahun 2012.



Program pembangunan penyewa juga turut dilaksanakan untuk melahirkan usahawan penyewa berjiwa kental dan berinovasi tinggi.



PROGRAM	KANDUNGAN	HASIL
Pengukuhan Kemahiran dan Intelektual Peningkatan Imej, Penyelenggaraan Premis dan Promosi	Meningkatkan pengurusan perniagaan, daya saing, meningkatkan keupayaan <i>soft skills</i> Menceriakan, menggalakkan kehadiran pengunjung	Kesyukuran semangat keusahawanan sentiasa segar dan berkekalan Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat umum dan menjana pendapatan

Pembiayaan Perniagaan

MARA melaksanakan pembiayaan perniagaan patuh syariah bagi memperkukuhkan prestasi perniagaan para usahawan melalui konsep Al-Murabahah, Al-Ijarah, Bai Al-Inah dan Al-Bai Bithamin Ajil. Selaras dengan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, tiga (3) skim pembiayaan perniagaan MARA telah diperkemaskan ke tahap yang lebih baik dalam bidang perdagangan dan perindustrian iaitu:



i. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)

SPiKE berkonsepkan “mudah dan cepat” bertujuan menambah bilangan kontraktor Bumiputera yang berwibawa. Skim ini terbuka kepada kontraktor perkhidmatan, bekalan, elektrik dan binaan dari gred G1 hingga G5.





ii. Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)

SJUM merupakan kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program *Groom Big* MARA dalam pembangunan usahawan korporat. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersial kepada syarikat Bumiputera yang terpilih.



iii. Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)

SPiM merupakan kemudahan pembiayaan bagi usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan dalam sektor perdagangan, perkhidmatan dan pengilangan.



Glocal Link (M) Sdn. Bhd.



Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB) bertindak sebagai ejen pemasaran untuk mempromosi produk usahawan Bumiputera di pasaran tempatan dan global. *Platform* ini telah digunakan sepenuhnya oleh GLSB dengan menjalankan pelbagai aktiviti pemasaran. Untuk menyokong aktiviti pemasaran, GLSB turut terlibat dalam industri pelancongan. Selain itu, GLSB turut mengkomersialkan program *Industrialised Building System* (IBS) MARA di peringkat kontraktor dan pembekal, melalui latihan dan penggunaan IBS dalam projek Bantuan Rumah (PBR) KKLW. Ini telah membuka peluang pasaran kepada kontraktor dan pembekal produk IBS Bumiputera.

7 **700** **Bilangan usahawan
yang telah dilatih**

pembekal *Installer*

Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Bhd. (DDEC)



DDEC berperanan membangunkan aktiviti reka bentuk produk usahawan supaya mempunyai nilai di pasaran tempatan dan antarabangsa. Program Pembangunan Jenama, Pembangunan Identiti Korporat serta Pembangunan Kit Pemasaran membolehkan produk keluaran IKS tempatan memperoleh piawaian dan pensijilan reka bentuk dan penjenamaan yang komersial serta mampu bersaing di pasaran.

3,223 **92**

usahawan yang dibantu program

Peningkatan penjenamaan melalui Program *Make Your Mark* membantu perniagaan berasaskan produk makanan dan kecantikan mempertingkatkan nilai estetika yang tinggi serta mengikut piawaian yang ditetapkan supaya dapat dikomersialkan.

50 **Usahawan IKS
telah dibantu**

- Reka bentuk logo
- Reka bentuk pembungkusan
- Jenama logo & syarikat
- Pendaftaran *trademark*
- Pendaftaran *lab test*

F.I.T. Center Sdn. Bhd. (FITEC)



Furniture Industry Technology Center
www.fitec.com.my

Bagi membantu penguasaan ekuiti Bumiputera di dalam industri perabot, FITEC telah melaksanakan aktiviti latihan teknikal, menghasilkan reka bentuk berinovatif dan pembangunan produk, serta meluaskan peluang pembekalan perabot untuk meningkatkan pendapatan usahawan *vendor* dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan lain-lain.

30

Bilangan
Usahawan
pembekalan
perabot

24

Aktiviti
pembangunan
vendor dalam
sektor pembuatan
dan pembekalan
perabot

Fokus

Pasaran

- Institusi Pendidikan MARA (IPMa)
- SPNB
- PRIMA
- Boustead

355

Bilangan
usahawan
menerima
latihan dan
kemudahan

29

program

Fokus

Pasaran

- Usahawan perabot kayu/
besi/ aluminium
- Usahawan perabot upholsteri
- *Designer* (perisian reka bentuk)

SEKTOR PENDIDIKAN

Pendidikan Menengah
Kemahiran dan Teknikal
GIATMARA

Penajaan Pendidikan
Teknologi Pendidikan
Pendidikan Tinggi

Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
German-Malaysian Institute (GMI)
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)

SEKTOR PENDIDIKAN

KPI	SASARAN 5 TAHUN	SASARAN 5 TAHUN	SASARAN 5 TAHUN	SASARAN 5 TAHUN
	- Melahirkan 37,500 Pelajar Pendidikan Menengah Berteraskan Sains dan Matematik - Pencapaian 2013: 7,400 Pelajar	- Menyediakan 500 Pelajar ke <i>Top University</i> - Pencapaian 2013: 655 Pelajar	- Menyumbang 100,000 Guna Tenaga Separa Profesional dan Profesional - Pencapaian 2013: 20,286 Guna Tenaga	- Menyumbang 125,000 Guna Tenaga Teknikal dan Profesional - Pencapaian 2013: 29,059 Guna Tenaga
OUTCOME	<i>Excellent Students</i> <i>Leaders</i> <i>Professionals</i> <i>Global Competent Workforce</i> <i>Potential Technopreneurs</i>			



Sektor Pendidikan MARA ditunjangi oleh falsafah berikut iaitu:

"Pendidikan MARA ialah satu usaha yang berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang".

Usaha ini bukan sahaja diterjemahkan melalui pembangunan modal insan melalui akademik malah melalui pendidikan teknikal dan vokasional. Antara program yang disediakan oleh MARA dalam merealisasikan usaha ini adalah:

- Penyediaan modal insan dari peringkat Pendidikan Menengah;
- Pembangunan modal insan dalam bidang Kemahiran & Teknikal;
- Pengkayaan ilmu di peringkat Pendidikan Tinggi;
- Pengukuhan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta Teknologi Pendidikan; dan
- Penajaan pendidikan peringkat *tertiary*.

Pendidikan Menengah


Sistem Pendidikan Menengah MARA memainkan peranan yang signifikan di dalam memperkukuh modal insan yang berjaya khusus di dalam bidang Sains dan Matematik. Matlamat ini direalisasikan melalui kewujudan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang mendapat permintaan yang tinggi setiap tahun. Sehingga kini MARA mempunyai 49 buah MRSM.

Program Pendidikan Menengah berasaskan model *Schoolwide Enrichment Model* (SEM) merupakan inisiatif MARA dalam menyediakan modal insan negara yang terangkum dengan nilai kepimpinan, sahsiah yang tinggi dan kaya dengan nilai keusahawanan.

Selain itu, program Pendidikan Menengah mempunyai ciri-ciri keterbezaan yang tersendiri berbanding sistem pendidikan biasa di Malaysia. Hal ini kerana, MARA turut memperkenalkan program Ulul Albab yang merangkumi penguasaan ilmu *Quranik*, *Ensiklopedik* dan *Ijtihadik*. Harapan MARA dengan pengenalan program Ulul Albab ini, modal insan yang dilahirkan mampu menjalani kehidupan berlandaskan Al-Quran, mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas dan sentiasa berfikir kreatif. Pada akhir tahun 2013 seramai 343 pelajar bergelar al-huffaz dengan kejayaan mereka menghafaz 30 juzuk Al-Quran di tiga (3) MRSM yang melaksanakan Program Ulul Albab.

Di samping itu, melalui program Pendidikan Menengah para pelajar berpeluang menguasai ilmu melalui program gabungan kurikulum kebangsaan dan *Cambridge* iaitu *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE). Bagi pelajar yang mengikuti program ini, mereka akan menerima dwisijil iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan IGCSE.

LOKASI MRSM SELURUH NEGARA



Fakta

1972-2013

176,631

pelajar mengikuti sistem MRSM

Kapasiti MRSM

39,240

pelajar di 49 MRSM

Pengambilan 2013

15,286

orang

Pelajar Tamat Tingkatan 5, 2013

7,400


orang



Pencapaian MRSM dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi tahun 2013 mencatatkan peningkatan prestasi mengikut Gred Purata Maktab (GPM) 1.09 berbanding dengan GPM 1.1077 pada tahun 2012. MRSM terus cemerlang dalam PMR 2013 apabila 61.71% calon telah mendapat gred A dalam semua mata pelajaran yang diambil berbanding 56.4% pada 2012.


MRSM Pontian muncul sebagai MRSM terbaik bagi pencapaian PMR tahun 2013 dengan GPM 1.0278.

Pencapaian keseluruhan SPM bagi tahun 2013 dilihat menerusi Gred Purata Maktab (GPM) 2.019. Seramai 1,229 orang (16.08%) telah berjaya memperoleh semua A (A+, A atau A-) bagi semua subjek yang diduduki. MRSM Tun Ghafar Baba mencapai keputusan terbaik dengan memperoleh GPM 1.1329 diikuti MRSM Taiping (GPM 1.1426) dan MRSM Pengkalan Chepa (GPM 1.1971).



Pencapaian SPM 2013

■ A+
■ A+, A
■ A+, A, A-



Bilangan Pelajar Yang Berjaya Menghafaz Al-Quran

■ Ting 5: 118 Pelajar
■ Ting 4: 122 Pelajar
■ Ting 3: 95 Pelajar
■ Ting 2: 8 Pelajar

Pelbagai program dibangunkan sebagai usaha untuk melahirkan *Nobel Laureate* dalam kalangan pelajar didikan MARA. Ini dapat dilihat menerusi kejayaan di beberapa pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sasaran untuk mendapatkan 10 pingat emas, 10 pingat perak dan 10 pingat gangsa di peringkat antarabangsa telah berjaya dicapai pada tahun 2013.



World Scholar's Cup Tournament of Champions, Universiti Yale, 14 hingga 17 November 2013; MRSM Alor Gajah, tempat ke-10 terbaik (Junior Division), tempat ke-11 dan 15 (kategori Individu)



41st International Exhibition of Inventions of Geneva, Palexpo Exhibition Centre, Geneva, Switzerland



Malaysian Technology Expo (MTE) 2013, 21 - 23 Februari 2013, PWTC, Kuala Lumpur



15TH International Robot Olympiad (IRO), 16 - 19 Disember 2013, Colorado Convention Centre, Denver.

24 orang pelajar

MRSM Tun Ghafar Baba telah dianugerahkan Pengakap Raja yang diiktiraf di semua negara Komanwel



SEKITAR MAJLIS PERASMIAN MRSM TUN ABDUL RAZAK, PEKAN & MRSM TUN MUSTAPHA, TAWAU



Bagi memastikan program Pendidikan Menengah MARA terus cemerlang, program tenaga pendidik turut diperkasakan dengan memberi peluang kepada mereka berkongsi amalan terbaik melalui seminar dan simposium pendidikan di dalam dan di luar negara.



SEMINAR PENDIDIKAN
SAINS



SEMINAR PENDIDIKAN
MATEMATIK



SEMINAR PENDIDIKAN
BAHASA INGGERIS



SEMINAR PENDIDIKAN
ISLAM

Dalam usaha memantapkan modal insan didikan MARA, pelbagai jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi pendidikan dan organisasi lain turut dilaksanakan. Antaranya adalah dengan:




Kemahiran dan Teknikal

Dalam usaha membangunkan modal insan negara yang berkemahiran tinggi, MARA melalui program Kemahiran & Teknikal turut memainkan peranan yang signifikan. Peranan ini direalisasikan melalui program latihan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) yang berfungsi untuk melahirkan *competent, marketable and global oriented workforce* melalui Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) MARA, yang menekankan pendidikan dan keusahawanan global. TVET menyediakan laluan terbaik bagi pelajar yang cenderung kepada kerja-kerja praktikal dan teknikal.


48	PROGRAM DIPLOMA	10 KKTm 2,107 Pelajar
34	PROGRAM SIJIL	13 IKM 5,285 Pelajar

AKREDITASI DARIPADA MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY (MQA) DAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Terdapat 11 kluster diwujudkan berasaskan keperluan guna tenaga kerja yang memfokuskan kepada empat (4) daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA):




Berikut ialah jadual jumlah pengambilan pelajar KKTm dan IKM pada 2013 berbanding dengan 2012.



MARA turut menawarkan Skim Graduan Cemerlang kepada pelajar KKTm dan IKM yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Pada 2013, 38 orang graduan KKTm berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda ke United Kingdom dan Australia sementara 28 orang graduan IKM telah mengikuti program *Industry Meister Craftsman* di Jerman.

Berikut ialah jadual jumlah pelajar bergraduasi KKTm dan IKM pada 2013 berbanding dengan 2012.



Penerimaan baik majikan dan industri terhadap graduan KKTM dan IKM terbukti apabila 81% graduan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh (6) enam bulan selepas tamat pengajian (2012-2013). Jalinan kolaborasi dengan industri, agensi bertauliah dan badan profesional turut diwujudkan dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme pensyarah serta graduan-graduan program Kemahiran & Teknikal MARA. Pada 2013, seramai 709 orang pelajar telah mengikuti program kompetensi seperti berikut:

				
Sijil - Visual Welding Inspector 3.1 - Non-Destructive Testing	Program MARA-Petronas 6G Shielded Metal Arc Welding (SMAW) & Gas Tungsten Arc Welding (GTAW)	Sijil Kompetensi bagi program-program elektrik	Sijil Kompetensi bagi penyediaan paip domestik	Sijil Cisco bagi bidang ICT

Kewujudan program Kemahiran & Teknikal MARA ini, turut memberi limpahan kepada masyarakat setempat melalui Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). PSH dilaksanakan bagi memberi latihan kepada masyarakat dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan serta membina potensi kehidupan yang lebih baik.



Pembelajaran Sepanjang Hayat

1,633 peserta pada tahun 2013

612 peserta pada tahun 2012

Selaras dengan hasrat membudayakan nilai keusahawanan dalam sistem pendidikan MARA, semangat ini turut dipupuk kepada pelajar-pelajar KKTM dan IKM. Pelajar semester akhir di KKTM dan IKM diberi pilihan sama ada menjalani latihan industri atau menjadi usahawan teknikal melalui Program Teknousahawan. Pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut akan dipantau dan dibimbing di bawah pengawasan jawatankuasa yang dilantik. Mereka turut diberi peluang menerima pinjaman menerusi Program Usahawan Teknikal (PUTEK) dan Skim Pembiayaan Perniagaan Lepas IPMa (SEMAi) untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Antara lepasan pelajar yang berjaya dalam program ini ialah:



Syarikat Aurora Sdn Bhd

Fakta Syarikat

- Mempunyai aset melebihi RM400,000
- Memulakan perniagaan sejak 2009



Fast Barzakh

Fakta Syarikat

- Diusahakan oleh IKM Alor Setar
- Dikomersialkan pada 2013
- Dalam proses menambah sembilan lagi produk

Pada tahun 2013, program Kemahiran & Teknikal MARA terus mengembangkan kolaborasi strategik di dalam dan di luar negara melibatkan kerjasama seperti pertukaran pengetahuan dan kemahiran melalui program sangkutan pensyarah di industri, *internship* bagi pelajar, perkongsian peralatan, khidmat runding cara dalam penggubalan kurikulum serta menyediakan peluang untuk pelajar melanjutkan pelajaran dan mendapatkan pekerjaan.



LENSA KEJAYAAN PROGRAM KEMAHIRAN & TEKNIKAL MARA

**Pertandingan Kemahiran Malaysia 2013**

Pelajar KKTMR Rembau memenangi pingat emas dalam kategori Graphic Design Technology dan penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri

**World Skills Competition**

Pelajar IKM Jasin dan MJII mewakili Malaysia menyertai pertandingan World Skills Competition dalam bidang Cadd dan Elektronik.

**iENA 2013, The 65th iENA 2013 Trade Fair "Ideas-Inventions-New Products"**

IKM Lumut memenangi pingat perak untuk projek Tile Cutter, IKM Jasin memenangi pingat gangsa bagi projek Releaseable Metal Collector dan IKM Alor Setar memperoleh iENA Diploma bagi projek Fast Barzakh.

**Malaysia International Robotic Competition (MIROC 2013)**

KKTMR Balik Pulau memenangi 2nd Runner Up dan Best Poster Presentation Award bagi Kategori Rope Climbing Robot

**Pertandingan MySkill 2013**

Pegawai Bahagian Kemahiran & Teknikal (MARA) Kuala Lumpur memenangi pingat perak dalam kategori Automobile Technology di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

**Kejohanan Formula EIMARACE 2013**

Anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tempat pertama (Perlumbaan Kedua) dan Johan Keseluruhan kategori T131: IKM Lumut di Litar Lumba Dato' Sagor Kg. Gajah, Perak.

**Formula Youth 2013**

Anjuran Kementerian Belia dan Sukan. KKTMR Masjid Tanah telah memenangi 6 kategori seperti berikut: Overall Championship, 1st place Drag Race, 1st place Presentation, 2nd place Manuever Test, 3rd place Final Race, 4th place Time Attack

GIATMARA

GIATMARA merupakan sebuah syarikat milik penuh MARA dengan objektif utama untuk memberi latihan kemahiran kepada Bumiputera. Sejak penubuhan pada tahun 1986, seramai 301,327 pelatih telah dilahirkan menerusi program secara sepenuh masa, program antarabangsa, program khas dan program 3L – *Life Long Learning* daripada 231 buah pusat GIATMARA. Pengambilan pelatih pada tahun 2013 adalah seramai 23,190 orang. Ramai lepasan pelatih telah berjaya membina kerjaya sebagai tenaga mahir dan menjadi usahawan bukan sahaja di pasaran tempatan malah di peringkat antarabangsa.

Sebanyak 55 jenis kursus jangka pendek antara enam (6) hingga 12 bulan ditawarkan di bawah 12 kluster yang dikenal pasti mempunyai permintaan yang tinggi iaitu:


Seni bina	Elektrikal	Fabrik	Pembuatan
Mekanikal	Pengangkutan	Kulinari	Hospitaliti
Elektronik & Mekatronik	Computer & Networking Technology	Hairdressing	Creative media & Printing

GIATMARA Transformation Programme (GMTP) 2012 - 2020 merupakan usaha GIATMARA secara menyeluruh melibatkan semua peringkat dalam organisasi dan menjadikan GIATMARA sebagai pusat latihan kemahiran yang terunggul di dalam negara. GMTP bertujuan untuk memperkasakan sistem penyampaian dalam semua aspek seperti pembangunan sumber manusia, merekayasa sistem latihan, membangunkan usahawan, menjana pendapatan, penglibatan dengan masyarakat, pengantarabangsaan dan penjenamaan semula GIATMARA untuk memastikan GIATMARA berupaya:

- Membangunkan warga kerja yang berpengetahuan dan kompeten;
- Melatih dan menyediakan tenaga kerja mahir yang boleh diterima di pasaran kerja;
- Mengukuhkan strategi untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya;
- Menggunakan kepakaran dan sumber yang ada untuk menjana pendapatan sendiri;
- Menjadi pusat rujukan berkaitan bidang kemahiran kepada masyarakat setempat terutama dalam peningkatan sosio-ekonomi; dan
- Menawarkan program dan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pencapaian GIATMARA dalam program pembangunan keusahawanan ialah:

i. Program Pembudayaan Keusahawanan



ii. Mendapat Akses Pembiayaan dan Pencapaian

RM 7 JUTA Pinjaman Groom Big kepada 5 usahawan automotif lepasan GIATMARA	6 SYARIKAT USAHAWAN GIATMARA Tersenarai sebagai finalis <i>Rural Business Challenge</i> MARA dan salah seorang usahawan GIATMARA menjadi pemenang	15 USAHAWAN GIATMARA Dianugerahkan Sijil Institusi Material Malaysia (IMM) dalam bidang <i>Corrosion Control</i>	1 PENGUSAHA BENGKEL LEPASAN GIATMARA Menjadi wakil Pusat Servis Modenas
---	---	--	---


iii. Keberkesanan Program dan Aktiviti

60 SYARIKAT USAHAWAN LEPASAN GIATMARA Menyertai Program BeSkills GIATMARA	20 SYARIKAT USAHAWAN LEPASAN GIATMARA Menyertai Karnival Usahawan Desa, KKLW program ' <i>Business Matching</i> '	5 PROGRAM KERJASAMA ' <i>Business Matching</i> ' GIATMARA dimeterai bersama SME Corp, Modenas, Technology Park Malaysia, KPDNKK & TM	311 SYARIKAT USAHAWAN GIATMARA Melalui proses pemantauan menggunakan sistem SME Corp
---	---	--	--

Penajaan Pendidikan

Penajaan Pendidikan MARA melalui program Penganjuran Pelajaran memainkan peranan penting dalam memperkasakan modal insan khususnya dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi. Dasar ini merupakan teras untuk mencapai hasrat rakyat berpendapatan tinggi yang produktif.

Pendekatan yang dilaksanakan ialah:



Tajaan pelajar baru MARA pada tahun 2013 adalah seperti berikut:



Outcome 2013 daripada penajaan pelajar dinilai dengan penghasilan berdasarkan kepada:

PELAJAR CEMERLANG - SASARAN 150	PENCAPAIAN 655
LEADERS – SASARAN 1,220	PENCAPAIAN 10,306
PROFESSIONALS - SASARAN 11,540	PENCAPAIAN 15,130
MEISTER (CRAFTMENSHIP) – SASARAN 200	PENCAPAIAN 163
GLOBAL WORKFORCE - SASARAN 5,400	PENCAPAIAN 6,154
POTENTIAL ENTREPRENEURS - SASARAN 1,640	PENCAPAIAN 1,115

Program-program yang ditawarkan diberi nilai tambah bagi memenuhi aspirasi melahirkan modal insan global dan berintegriti. Pelbagai aktiviti khusus telah dilaksanakan dengan memberi penekanan nilai-nilai murni kepada pelajar tajaan MARA melalui program berikut:

- Program Pembangunan Pelajar Dalam & Luar Negara
- Program *Engagement* MRSM & IPMa
- Program *Outreach* Bandar & Luar Bandar
- Program *Global Excellence Leadership* (GEL)
- *Engagement* Bersama Badan Profesional, NGO dan Industri

Teknologi Pendidikan

Program Teknologi Pendidikan MARA merupakan *enabler* yang membolehkan sistem pendidikan MARA mengaplikasikan penggunaan teknologi dan pelbagai media secara terancang untuk mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Aktiviti pembangunan meliputi bidang produksi, pembelajaran interaktif (*e-Learning*) dan perpustakaan (*knowledge centre*).

Sepanjang tahun 2013, Bagian Teknologi Pendidikan (BTP) menghasilkan:

799 Reka bentuk grafik dan digital multimedia

4 Penerbitan Buku

253 Penerbitan dan
suntingan video



Melalui program ini, pada tahun 2013 menyaksikan seramai 180 tenaga pendidik MARA telah dilatih dalam kemahiran menghasilkan bahan P&P multimedia yang terkini. Program Teknologi Pendidikan juga telah berjaya membangunkan dan mengumpulkan bahan P&P dalam bentuk digital sebagai alat bantu mengajar tenaga pendidik MARA di semua peringkat.

Koleksi bahan P&P digital yang mencapai 100% sasaran adalah seperti berikut:-

600

Teaching & Learning Materials

150

Web Video

56

Rakaman Video

110

Bahan latihan ILKM/IALKM

1,057

Pembangunan Aset Media

615

Bank Soalan

Latihan Bengkel Tenaga Pengajar IPMa



Sebagai penanda aras kejayaan program ini, 12 MRSM yang dilengkapi dengan *Learning Management System* (LMS) telah diuji dan diselai di bawah program *Smart Education*. Program ini mampu memperkukuh proses P&P guru MRSM kerana bahan pembelajaran tersebut bersifat digital dan interaktif. Dalam usaha merencanakan dan memastikan kesinambungan kejayaan program Teknologi Pendidikan, perpustakaan MARA menjadi *knowledge hub* dalam pembangunan modal insan untuk memupuk budaya suka membaca di kalangan staf, pelajar dan usahawan MARA. Perpustakaan ini turut dilengkapi dengan pangkalan data e-Buku dan jurnal.

MRSM Smart Education


- Baling
- Tumpat
- Tun Mustapha, Tawau
- Sandakan
- Johor Bahru
- Gemencheh
- Pengkalan Hulu
- Kubang Pasu
- Merbok
- Tun Abdul Razak, Pekan
- Parit

62,191

Pengguna pangkalan data e-Buku dan jurnal pada 2013


Teknologi Pendidikan MARA tidak terhad dalam membantu mempertingkatkan P&P sahaja, malah turut menjadi pemudah cara dalam menyediakan platform kepada pelajar-pelajar dalam mencari kerjaya. Para graduan boleh melayar portal laluan kerjaya yang dibangunkan di <http://laluhan-kerjaya.blogspot.com> yang mengetengahkan maklumat laluan kerjaya dalam bidang kejuruteraan, guaman, arkitek, akauntan dan kedokteran.

Berikut ialah jadual pelawat portal laluan kerjaya tersebut pada 2013 berbanding dengan 2012.




Pendidikan Tinggi

Program Pendidikan Tinggi MARA bermatlamat melahirkan guna tenaga Bumiputera profesional dan separa profesional serta kompeten dalam pelbagai bidang seperti Perubatan, Perakaunan, Teknologi Maklumat, *Agro-Business*, Logistik, Pengurusan dan Kejuruteraan Teknologi melalui kewujudan Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Berikut jadual jumlah pengambilan pelajar IPMa pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012.



Berikut jadual jumlah pelajar bergraduasi IPMa pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012.



Usaha ini dilaksanakan bersandarkan inisiatif yang telah diperkenalkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Fakta



6 PUSAT
14 PROGRAM



13 PUSAT
113 PROGRAM



9 PUSAT
66 PROGRAM




1 PUSAT
9 PROGRAM



231 PUSAT
39 PROGRAM



5 PUSAT
6 PROGRAM



Melalui inisiatif ini, MARA turut menyediakan *platform* kepada para pelajar untuk mengikuti program International Baccalaurete (IB) dan program A-Level di Kolej MARA Banting dan Kolej MARA Seremban sebagai persediaan menyambung pengajian ke luar negara.

Kejayaan pelajar-pelajar Kolej MARA (KM) pada tahun 2013 seperti berikut :

KM BANTING	Teater Serendipity 23 Februari 2013 Dewan Auditorium DBKL	- Berjaya mengutip RM44,165.00. - Sebahagian besar kutipan disumbangkan kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA)
KM KUALA NERANG	International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 16-19 April 2013 UniMAP, Perlis	Pingat Emas & Yayasan Inovasi Malaysia Special Award - Potential Application of Bamboo Leaves Ash as Raw Materials to Produce Green Glass Pingat Emas - Nasi Lemak Wrapper-The New Era Pingat Emas - Vertical Axis Wind Turbine Generator Pingat Perak - Ice Relief Pingat Gangsa - Gallus Piezo
KM KUALA NERANG	24th International Invention, Innovation & Technology Exhibition ITEX'13 9-11 Mei 2013 KLCC	Pingat Emas & Special Award Asia Invention Association (AIA) - Teh Perkasa Pingat Perak & Special Award Korea Invention Academy (KIA) - Gallus Piezo



Di samping inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MARA dalam mempersiapkan modal insan negara di bawah program Pendidikan Tinggi melalui Kolej Profesional MARA dan Kolej MARA, usaha ini turut diperluas melalui Anak Syarikat MARA antaranya ialah Universiti Kuala Lumpur (UniKL), German Malaysian Institute (GMI) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM).

Universiti Kuala Lumpur (UniKL)

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) merupakan satu-satunya Institusi Pendidikan MARA (IPMa) yang bertaraf universiti. Sepanjang 11 tahun penubuhannya semenjak 20 Ogos 2002, UniKL telah mengalami pertumbuhan yang amat menggalakkan dan terbukti berjaya memacu pembangunan modal insan negara. UniKL menawarkan pelbagai jenis program berkonsepkan teknikal vokasional di peringkat pengajian asas, Diploma, Sarjana Muda dan Pasca Ijazah menerusi 11 kampus cawangannya di seluruh Malaysia.

- UniKL Malaysia France Institute (UniKL MFI), Bangi, Selangor.
- UniKL British Malaysian Institute (UniKL BMI), Gombak, Selangor.
- UniKL Kampus Kota Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur:
 - UniKL Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT)
 - UniKL International College (UniKL ICOLE)
 - UniKL Business School
 - Institute of Research and Postgraduate Studies (IRPS)
- UniKL Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Kulim, Kedah
- UniKL Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Lumut, Perak
- UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT), Sepang, Selangor

- UniKL Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET), Alor Gajah, Melaka.
- UniKL Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), Ipoh, Perak
- UniKL Institute of Product Design and Manufacturing (UniKL IPROM), Cheras, Kuala Lumpur.
- UniKL Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC), Johor Bahru, Johor
- UniKL Institute of Medical Science Technology (UniKL MESTECH), Kajang, Selangor

UniKL bukan sahaja menyumbang kepada bidang pendidikan malah penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi tujuan pengkomersialan bidang-bidang pengkhususan seperti berikut:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ■ Automasi dan Penyelenggaraan Industri ■ Pembinaan Mesin dan Fabrikasi Logam ■ Rekabentuk Produk, Acuan & Perkakasan dan Ketepatan Pembuatan ■ Teknologi Maklumat ■ Animasi dan Multimedia ■ Teknologi Makanan, Kimia dan Kejuruteraan Bio ■ Marin ■ Automotif | <ul style="list-style-type: none"> ■ Teknologi Penerbangan dan Aeroangkasa ■ Teknologi Elektrikal, Elektronik dan Telekomunikasi ■ Kejuruteraan Teknologi dan Industri Logistik ■ Perubatan dan Sains Kesihatan Bersekutu ■ Perniagaan, Keusahawanan dan Kewangan Islam ■ Minyak dan Gas |
|--|--|

Pada 2013, UniKL mempunyai seramai 23,462 orang mahasiswa dan sepanjang penubuhannya, UniKL telah melahirkan seramai 26,665 orang siswazah yang telah berjaya membina kerjaya bukan sahaja di pasaran tempatan malah di persada antarabangsa.

Aktiviti UniKL sepanjang tahun 2013 ialah:




Pelantikan Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif UniKL Ketiga.

- Prof. Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud telah dilantik sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UniKL yang ketiga berkuatkuasa pada 1 Februari 2013.



Pelancaran Program Student Entrepreneurship Association (SEA)

- Pelancaran Program Student Entrepreneurship Association (SEA) pada 6 Februari 2013 di kampus UniKL MFI, Bangi.



Mesyuarat AREAS 2013

- Universiti Kuala Lumpur dan Politecnico di Torino, Itali telah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat projek yang dinamakan "AREAS"-Academic Relations Between Europe and Asia" pada 8-10 Oktober 2013 bertujuan untuk menggalakkan kerjasama pendidikan dan penyelidikan antara Asia dan Eropah. Kerjasama ini terhasil daripada penglibatan UniKL dalam projek AREAS Erasmus Mundus Action 2 yang menyaksikan penglibatan konsortium 10 buah universiti di Eropah dan 10 buah universiti utama di Asia



Majlis Konvokesyen ke-10 Universiti Kuala Lumpur

- Seramai 4,556 graduan diraikan dalam Majlis Konvokesyen ke-10 Universiti Kuala Lumpur yang telah berlangsung dengan gemilangnya pada 21 - 23 September 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Majlis ini turut menyaksikan pemasyhuran YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Haji Musa, Pengerusi MARA, YBhg. Datuk Ibrahim Ahmad, Ketua Pengarah MARA dan YB Datuk Dr. Adham Baba, Pengerusi UniKL sebagai Pro Canselor UniKL yang baru.

Antara pencapaian cemerlang UniKL sepanjang 2013:



UniKL MIAT Terima Pengiktirafan

- UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia yang ditauliahkan "Approved Training Organisation" (ATO) oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia dan menerima pensijilan "Certificate of Approval" semasa Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA 2013).
- UniKL MIAT terus melakar sejarah dengan menjadi satu-satunya IPT di Malaysia yang diiktiraf Eurocopter Deutschland GmbH sebagai pusat latihannya yang ke 25 di dunia dan yang pertama di Asia Tenggara.



Pemain Hoki UniKL Sertai Piala Dunia Remaja

- 12 orang pemain pasukan hoki UniKL telah terpilih untuk mewakili Malaysia di kejohanan Piala Dunia Remaja di New Delhi, India pada 6-15 Disember 2013. Pemilihan ini membuktikan keupayaan UniKL dalam mencungkil bakat muda khususnya dalam sukan hoki untuk mewakili Malaysia ke peringkat dunia.



UniKL Menang Pingat Emas

- UniKL berjaya merangkul pingat emas dalam:
 - 24th International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013 (ITEX 2013),
 - International Innovation, Design and Articulation (i-IDEA 2013) dan
 - Novel Research & Innovation Competition (NRIC).
- Kemenangan ini diperolehi oleh projek "Kekabu Composite Multi-Purpose Panels" dari UniKL MIAT, projek "Talking Braille" dari UniKL MIIT dan projek "NAFISIT: Eco and Cost Saving Machining Material for Educational Purpose" dari UniKL MFI.

Pensyarah UniKL di World Skill Competition 2013

- Pensyarah UniKL MFI telah dilantik sebagai National EXPERT dalam bidang Mechanical Engineering Design – CAD dan bidang Refrigeration and Air Conditioning untuk World Skill Competition (WSC) 2013 di Leipzig, Jerman.

German-Malaysian Institute (GMI)


GMI ialah institusi pendidikan hasil usaha sama kerajaan Malaysia dan Jerman. Institusi ini ditubuhkan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan dan ahlinya terdiri daripada MARA dan *Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry* (MGCC).

GMI menyediakan latihan peringkat Diploma yang intensif berorientasikan amali (*practice-oriented training*) dan pendekatan efektif dalam pembelajaran dan pengajaran berbentuk aktif dan sendiri sambil mendukung keperluan pembelajaran sepanjang hayat. GMI menawarkan program Pra-Universiti (A-Level), serta membuka peluang pengajian seterusnya ke Jerman.

GMI turut menawarkan perkhidmatan runding cara berkaitan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional, kursus latihan teknikal (jangka pendek) dan mengambil tempahan projek berorientasikan keperluan pelanggan industri.

Selaras dengan hasrat negara untuk memenuhi permintaan tenaga kerja berkemahiran tinggi, pembuatan dan kejuruteraan, GMI telah berjaya melahirkan ramai pekerja mahir dalam bidang pembuatan, reka bentuk, penyelenggaraan, operasi, pengeluaran produk serta mesin dan peralatan.

Pencapaian GMI pada 2013 berbanding 2012 adalah seperti berikut:



Aktiviti GMI sepanjang 2013:



Kerjasama Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

- Majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Dewan Perdagangan dan Perindustrian Jerman-Malaysia (MGCC) dan German-Malaysian Institute (GMI) pada 12 Mac 2013 bertujuan untuk menjalankan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) berasaskan *German Dual System Vocational Training*, melibatkan kerjasama hampir 15 buah syarikat multinasional di bawah MGCC.



Malaysia International Robot Competitions (MIROC) 2013

- GMI mengulangi kejayaan merangkul tempat pertama bagi kategori "Fire Fighting Robot" dua (2) tahun berturut-turut dalam Pertandingan Robot Antarabangsa Malaysia (MIROC) 2013 yang diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 13-14 April 2013.



24th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2013)

- Pada 09-11 May 2013, GMI mendapat pingat perak bagi projek *Prototype of Leg Assistance Robot* (POLAR) di bawah kategori Rawatan Istimewa & Jagaan Kanak-kanak – Terbuka Antarabangsa.



Sistem Penilaian Kualiti Malaysia Bagi Institusi Swasta (MyQUEST)

- Dalam laporan Sistem Penilaian Kualiti Malaysia 2012/2013 bagi Institusi Swasta (MyQUEST), GMI telah dianugerahkan dengan penarafan 5 bintang.

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)

KPTM diwujudkan bagi memberi tambah nilai kepada program-program sedia ada di bawah Program Pendidikan Tinggi MARA. Program pengajian di KPTM bermula pada peringkat sijil sehingga ke tahap profesional.


KPTM⁵¹ Kursus

9 Cawangan

- Batu Pahat
- Bangi
- Ipoh
- Alor Setar
- Kuantan
- Kota Bharu
- KESEDAR
- Semporna
- Kuala Lumpur

5 Peringkat Pengajian

- Profesional
- Pra Diploma
- Ijazah
- Sijil
- Diploma



Pencapaian MyQuest dan Audit Bagi Kampus Cawangan KPTM



KPTM juga memenangi Anugerah Pembangunan Sumber Manusia dalam beberapa kategori berikut:



- Anugerah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Majikan Besar Perkhidmatan)
- Anugerah Kecemerlangan Kategori Majikan
- Anugerah Kecemerlangan Kategori Penyedia Latihan



Pelajar KPTM yang berjaya ke luar negara di bawah Skim Pelajar Cemerlang MARA:

23 Pelajar berjaya ke
Australia dan United
Kingdom

19 Peringkat
Ijazah

4 Peringkat
Sarjana



SEKTOR PELABURAN

Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari
Kawalan Kredit
Industri Pengangkutan
MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.)
Pelaburan MARA Berhad (PMB)

SEKTOR PELABURAN

KPI	SASARAN 5 TAHUN ■ Menjana pendapatan 1 billion setahun ■ Pencapaian 2013: 1.26 billion SASARAN 5 TAHUN ■ Meningkatkan kutipan kepada 2 billion ■ Pencapaian 2013: Kutipan sebanyak RM909 juta
OUTCOME	■ Penjana Pendapatan ■ Penguasaan ekuiti ■ Meningkatkan Taraf Sosio Ekonomi

Dalam merealisasikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik MARA, Sektor Pelaburan memberi fokus kepada meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui dua (2) strategi utama iaitu peningkatan keuntungan dan penjana pendapatan oleh syarikat subsidiari MARA. Strategi ini memberikan tumpuan kepada projek/program yang berupaya membangunkan ekosistem yang terancang merangkumi pembangunan fizikal, modal insan dan teknologi melalui kerjasama pemain industri di peringkat nasional dan antarabangsa.

Empat (4) inisiatif yang dilaksanakan dalam menyokong strategi di atas ialah:

Penyertaan ekuiti dalam syarikat berkepentingan yang tertumpu kepada bidang perkhidmatan kewangan, pendidikan, pemborongan dan peruncitan, perkhidmatan perniagaan dan minyak, gas dan tenaga.	Penguatan ekuiti melalui peningkatan dana pelaburan di dalam syarikat-syarikat terpilih.	Pembangunan hartanah milik MARA melalui kerjasama pihak swasta dan GLC.	Pemeriksaan perkhidmatan perniagaan dalam industri pengangkutan dan kutipan bayaran balik.
---	---	--	---

Inisiatif di atas dilaksanakan oleh syarikat subsidiari MARA dengan seliaan dan penyelarasan yang terperinci oleh bahagian-bahagian terlibat di bawah Sektor Pelaburan iaitu Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari (BPPS), Bahagian Industri Pengangkutan (BIP) dan Bahagian Kawalan Kredit (BKK).

Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari

Dalam memastikan strategi pelaburan mampu mengekalkan pertumbuhan jangka panjang, Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari telah memainkan peranan dengan menetapkan dan memantau hala tuju pelaburan MARA menepati piawaian yang telah ditetapkan. Tumpuan utama adalah pada penciptaan nilai tambah dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus korporat, faedah kerjaya, pendedahan, pengalaman dan pengetahuan kepada warga kerja MARA bertujuan untuk meningkatkan daya saing dalam pasaran semasa.

Penerokaan Bidang Baharu

Aktiviti pelaburan dan pembangunan yang dilaksanakan bagi tahun 2013 telah dimantapkan dengan penerokaan bidang baharu oleh MARA dan bidang-bidang tumpuan di bawah NKEA seperti bidang aeroangkasa, *renewable energy* dan media kreatif.



Merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia mencapai taraf negara berpendapatan tinggi melalui Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, MARA telah mengukuhkan usaha meningkatkan penyertaan ekuiti dan *unlocking assets* dengan penciptaan peluang-peluang perniagaan dan latihan dalam bidang-bidang strategik melalui jalinan hubungan dan kolaborasi dengan syarikat-syarikat berteknologi tinggi, menceburi bidang perniagaan pembangunan hartanah dan penyertaan ekuiti dalam syarikat berprestasi tinggi.


Kawalan Kredit

Pemeriksaan Perkhidmatan Perniagaan

Pemeriksaan dalam aktiviti kutipan hutang telah menunjukkan kejayaan dengan peningkatan dalam kutipan sebanyak 30.10% iaitu RM909,062,176. Kejayaan ini meliputi peningkatan utama dalam beberapa jenis pinjaman/pembiayaan yang ditawarkan.

Pencapaian Aktiviti Kutipan Hutang

RM 909 juta



Strategi pengkorporatan MARA telah melakarkan kejayaan yang memberangsangkan dalam tahun 2013. Pengkorporatan kutipan hutang dipertanggungjawabkan kepada Anak Syarikat MARA iaitu Rural Capital Sdn. Bhd.

Industri Pengangkutan

Strategi pengkorporatan pengurusan Kenderaan Bas MARA yang diuruskan sepenuhnya oleh sebuah lagi anak syarikat MARA iaitu MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB) bermula 1 Jun 2013 turut mencatatkan perkembangan memberangsangkan.



- Majlis Pelancaran Pengkorporatan Pengurusan Kenderaan Bas MARA pada 26 Ogos 2013 di Premiera Hotel, Kuala Lumpur



- Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara Majlis Amanah Rakyat dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) pada 10 Januari 2013



Pewujudan MLSB telah memberikan imej baru kepada perkhidmatan pengangkutan bas MARA yang lebih selesa, diyakini dan menepati keperluan pelanggan di samping kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang memberi pulangan menguntungkan.

Pencapaian aktiviti industri pengangkutan MARA melalui MLSB sepanjang 2013 adalah seperti berikut:



MLSB juga dilantik sebagai panel rakan servis oleh MAN Truck & Bus Sdn. Bhd. (MTBM) bagi perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan jualan alat-alat ganti untuk kenderaan komersil MTBM. Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara MLSB dan MTBM telah dimeterai pada 20 Jun 2013, iaitu dua (2) pusat servis MLSB di Mergong, Kedah dan Kuantan, Pahang telah beroperasi sebagai panel servis MTBM.

MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.)

Pelaburan dan Pengurusan Hartanah

MARA Inc. iaitu syarikat subsidiari MARA yang berperanan sebagai *investment arm* atas hartanah luar negara telah meningkatkan portfolio pelaburan hartanah milik MARA di London dan Melbourne. Inisiatif ini juga diambil bagi memenuhi permintaan segmen pasaran bagi penginapan pelajar antarabangsa dan pusat komersial.



Beumont House, Princess Square London

- Bangunan 5 tingkat (Hostel) dengan kemudahan 120 tempat penginapan.



Dudley International House, Melbourne Australia

- Kemudahan penginapan pelajar dan unit pangsapuri



51 Queen Street, Melbourne, Australia

- Ruang sewa pejabat dan retail unit




333 Exhibition Street, Melbourne Australia

- Bangunan pejabat komersial

Pengurusan bangunan Menara MARA merupakan salah satu program transformasi MARA di bawah seliaan MARA Inc. Bangunan Menara MARA ini mempunyai komposisi hotel, ruang pejabat dan ruang niaga menjadikannya projek rintis pengurusan bangunan bersifat komersial bersekali dengan usaha membentuk usahawan Bumiputera dalam perniagaan peruncitan dalam kawasan Segi Tiga Emas Kuala Lumpur.

Kemudahan di Menara MARA



Usaha-usaha yang dilaksanakan telah mencipta sinergi perniagaan antara syarikat-syarikat di bawah MARA dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) seterusnya menggalakkan pertumbuhan perniagaan serta pembangunan para usahawan tempatan dalam bidang berkaitan.

Pelaburan MARA Berhad

Pelaburan Ekuiti, Pengurusan Dana dan Pemerkasaan Usahawan

Pelaburan MARA Berhad (PMB) yang merupakan syarikat pelaburan, pengurusan dana dan perkhidmatan kewangan milik penuh MARA telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera.

Tahun 2013 telah mencatatkan pencapaian cemerlang yang memperlihatkan peningkatan prestasi pelaburan MARA melalui kerjasama antara MARA dan syarikat-syarikat berprestasi tinggi. Usaha-usaha yang dilaksanakan ini telah membuka peluang yang lebih besar dalam pelaburan pasaran serantau Asia Pasifik dan penyertaan perniagaan Bumiputera dalam persaingan pasaran negara-negara luar serta menaik taraf dana pelaburan MARA kepada patuh syariah sepenuhnya menjelang 2014.



Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik dengan AEP Investment Management Pte. Ltd. bagi Pelancaran BASIL Property Trust.

- Usaha sama antara Pelaburan MARA dan AEPim mewujudkan BASIL Property Trust adalah bagi membuka peluang pelaburan berlandaskan Syariah dengan mensasarkan aset ruang perniagaan di pasaran serantau Asia Pasifik utama (Australia, Singapura, Malaysia) dan Eropah, terutamanya di United Kingdom.



Pelancaran Semula (4) Empat Dana Patuh Syariah

- Pelaburan MARA Berhad melalui anak syarikatnya ASM Investment Services Berhad, telah melancarkan semula (4) empat dana konvensional kepada dana patuh Syariah pada 4 Februari 2013, sejajar dengan hala tuju strategik untuk menjadi syarikat pengurusan dana patuh Syariah sepenuhnya pada 2014.



Hari Penghargaan Pelabur 2013 (HPP)

- ASM Investment Services Berhad, anak syarikat milik penuh Pelaburan MARA Berhad telah menganjurkan Hari Penghargaan Pelabur dan ASM Investment Cares 2013 (HPP) di (2) dua lokasi terpilih, iaitu di Kuantan, Pahang pada 15 Jun 2013 dan di Johor Bahru, Johor pada 13 Oktober 2013.



Extraordinary General Meeting (EGM) - ASM First Public Fund, Kumpulan Modal Bumiputera ke-11 dan Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB

- ASM Investment Services Berhad, anak syarikat milik penuh Pelaburan MARA Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa ini bagi mendapatkan persetujuan pelabur (3) tiga dana yang terlibat, iaitu ASM First Public Fund, Kumpulan Modal Bumiputera ke-11 dan Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB bagi mengubah objektif dana-dana tersebut daripada konvensional kepada patuh Syariah.



Perjanjian Persefahaman Skim Khidmat Usahawan MARA dengan Fuji Xerox Asia Pacific Pte. Ltd. dan Bumi Xerox Sdn. Bhd.

- Fuji Xerox Pte. Ltd. sebuah syarikat pengurusan, penyelesaian dan perkhidmatan dokumen terkemuka akan memberi bimbingan kepada usahawan MARA yang berminat untuk menjalankan perniagaan tersebut dengan mengadakan bengkel dan kelas bimbingan.



Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik dengan 1Machine System Sdn. Bhd. (1Machine), Pengeluar Anti Virus Pertama Negara pada 17 Oktober 2013.

- Pelaburan MARA akan memberikan sokongan kepada 1Machine System dalam mengkomersialkan produk inovasi sistem anti virus atau perkhidmatan perisian keselamatan internet ciptaan syarikat Bumiputera di dalam dan luar negara.


Strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Sektor Pelaburan MARA secara keseluruhannya telah membuahkan hasil yang menguntungkan dengan peningkatan dalam pencapaian kewangan syarikat subsidiari MARA bagi tahun 2013 berbanding dengan 2012. Berikut adalah imbasan pencapaian kewangan 2013:



SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

Pembangunan Sumber Manusia
Pengurusan Kewangan
Pengurusan Aset dan Perolehan
Pengurusan Teknologi Maklumat
Pembinaan dan Penyelenggaraan
Pemantauan dan Inspektorat

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN



100% WARGA KERJA MARA MENDAPAT LATIHAN	SASARAN 5 TAHUN ■ Memastikan 100% warga kerja MARA mendapat latihan ■ Pencapaian 2013: 100% telah menerima latihan	PELAKSANAAN 100% INISIATIF ICT STRATEGIC PLANNING (ISP)	SASARAN 5 TAHUN ■ Inisiatif <i>ICT Strategic Planning</i> (ISP) ■ Pencapaian 2013: 87% Perlaksanaan ISP
---	--	--	---


Sektor Khidmat Pengurusan merupakan pemboleh (enabler) yang sentiasa menekankan pengukuhan tahap kompetensi modal insan untuk menjadikan MARA sebagai sebuah organisasi berteraskan keusahawanan untuk menjana kekayaan. Sektor ini terus dimantapkan dengan memudahkan sistem penyampaian, meningkatkan kecekapan tadbir urus dan jentera pentadbiran bagi mewujudkan ekosistem yang seimbang bagi merealisasikan visi, misi dan objektif MARA melalui fungsi-fungsi berikut:

- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian keseluruhannya melalui penggunaan *integrated database* yang meluas merentasi semua sektor;
- Peningkatan prasarana infostruktur dan infrastruktur ICT bagi keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan MARA melalui penggunaan aplikasi ICT di bawah Pelan Strategik ICT yang menjadi pemangkin kecemerlangan;
- Peningkatan tahap kompetensi modal insan MARA melalui program pembangunan Modal Insan, Program Pembangunan Kerjaya dan *Talent Pool*;
- Pengurusan aset yang cekap dan sistematik, pengurusan perolehan secara telus dan berintegriti serta penyediaan fasiliti yang bersih, selesa dan selamat sebagai usaha berterusan mengekalkan ekosistem yang sempurna bagi membolehkan keberkesanan sistem penyampaian; dan
- Kawal selia dan pemantauan berterusan ke atas semua pusat pentadbiran MARA bagi memastikan peningkatan kualiti pengurusan dan kompetensi warga kerja MARA selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

Pembangunan Sumber Manusia


Dalam merealisasikan transformasi MARA, Pembangunan Sumber Manusia merupakan nadi dan ejen perubahan yang sangat penting dan perlu diurus tadbir dengan efisien serta amanah.

MARA sentiasa mengkaji semula perjawatan melalui kaedah *Rightsizing*, *Redeployment* dan *Trade-Off* bagi menangani masalah keperluan jawatan berikutan pembukaan pusat-pusat MARA baru serta pembangunan pusat-pusat pendidikan sedia ada. Berikut ialah kedudukan pengisian jawatan mengikut pusat:



Melalui Program Pembangunan Sumber Manusia, pelbagai aspek latihan berteraskan 3Cs – (karakter, kapasiti dan keupayaan) telah dilaksanakan bagi membangunkan warga kerja yang kompeten dan menepati kehendak *stakeholder*.

Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan MARA adalah seperti berikut:



PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA	2010	2011	2012	2013
Diploma	11	288	112	89
Sarjana Muda	17	21	45	63
Sarjana	34	112	303	329
PhD	2	7	47	30
JUMLAH	64	428	507	511

PROGRAM TALENT POOL	SASARAN	PENCAPAIAN
Attachment/Cross Fertilization/Secondment	10	6
Top Executive Program (TEP)	15	2
International Premier Training	200	250
MARA Assessment Centre	1,500	2,459
Kursus Anjuran Badan Luar	5,000	4,934
Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM)	7,000	10,800



- MARA telah menerima 'Contribution to the Organization Award' dalam The Asia HRD Awards 2013 yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 14 Jun 2013.



- Peserta dan *instructor* di Executive Leadership Program MARA-EWC di Kuala Lumpur pada Mac 2013.




- Antara syarikat-syarikat yang terlibat dalam program Attachment/Cross Fertilization/Secondment.

Pengurusan Kewangan

Bajet 2013 menyaksikan MARA menerima sejumlah RM3,457,743,100 bagi menampung belanja mengurus yang meliputi RM2,099,440,100 untuk disalurkan kepada program penajaan di dalam dan di luar negara. Dengan peruntukan tersebut telah membolehkan MARA melaksanakan program pembangunan modal insan yang melibatkan 73,101 orang pelajar. Sebanyak RM1,358,303,000 peruntukan digunakan bagi menampung belanja operasi dalam pelaksanaan strategi dan polisi MARA berteraskan prinsip penggunaan dana yang optima, berhemah dan memberi nilai kepada wang (*value of money*).

Prestasi Belanja Mengurus MARA pada tahun 2013 adalah 99.52% iaitu RM3,441,193,852.04 daripada peruntukan tahunan sebanyak RM3,457,743,100.




Bajet 2013

Cabaran tahun 2013 memperlihatkan penambahbaikan sistem bayaran elaun pelajar. Inovasi ini dilaksanakan menerusi sistem ketiga RCM (Reconciliation, Clearing and Monitoring) kepada sistem EduLoan dan SMBM. Impak yang signifikan diterjemahkan dari segi penjimatan pos, peningkatan produktiviti dan penggunaan modal insan.



Produktiviti

- Sebanyak 30,121 permohonan pinjaman pelajaran baru telah diproses sepanjang tahun 2013. Daripada jumlah ini, sebanyak 16,448 (52%) telah diproses menggunakan sistem RCM yang mula berfungsi pada akhir September 2013.



Purata Bilangan Pelajar (Sebulan) yang Menerima Elaun Sebelum & Selepas Pelaksanaan RCM

- Jan-Sep (Manual)
- Okt-Dis (RCM)

Bilangan Pelajar Menerima Elaun Pertama

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS
2012	944	1,572	1,173	499	1,631	2,006	399	899	2,491	3,463	1,376	3,740
2013	1,108	1,135	1,314	608	1,146	2,198	1,136	738	4,290	6,631	5,628	4,189




Penjimatan

Bil	Item	Okt – Dis 2013	2014
1	Cek	- (waive)	30,000 @ RM0.60 = RM19,500
2	Sampul Surat	16,448 @ RM0.20 = RM3,289.60	30,000 @ RM0.20 = RM6,000
3	Setem	16,448 @ RM0.60 = RM9,868.80	30,000 @ RM0.60 = RM18,000
4	Borang dan Laporan LPP4 (Karbon)	16,448 @ RM1.10 = RM18,092.80	30,000 @ RM1.10 = RM33,000
	Laporan Edit saiz A3 (3 X)	16,448 @ RM0.30 @ 3 = RM14,803.20	30,000 @ RM0.30 @ 3 = RM27,000
5	Emolument Pembantu Tadbir (2)	RM2,300 @ 2X 3/12 = RM1,150	RM2,300 @ 2X 12 = RM55,200
6	Bayaran lebih masa (10)	RM800 @ 10X 3/12 = RM2,000	RM800 @ 10X 12 = RM96,000
Jumlah Penjimatan Bagi Tahun		RM49,204.40	RM254,700

i. Fokus Pertama: Meningkatkan Tadbir Urus Korporat

Pada tahun 2013, MARA telah membelanjakan sebanyak RM3,441,193,852.04 (99.52%) daripada bajet mengurus MARA dengan penjimatan sebanyak RM16,549,247.96 (0.48%). Strategi pemantauan dan latihan pengurusan kewangan secara berterusan serta komitmen Pengurusan Tertinggi MARA telah berjaya mengawal selia prestasi kewangan MARA dan meningkatkan sistem penyampaian kepada semua *stakeholders*.

Kejayaan ini dapat diukur daripada pengurangan aduan yang diterima oleh pelajar-pelajar tajaan MARA pada 2013 berbanding dengan 2012.



Analisa Aduan bagi Bayaran Elaun Pelajar Tajaan dalam Negara

- Telefon
- E-mel
- Info BKW
- E-Aduan
- Surat

ii. Fokus Kedua: Meningkatkan Kecekapan Dan Menyemarakkan Inovasi

Kecemerlangan organisasi perlu berpaksikan budaya kesegeraan, kepantasan bertindak (time is of the essence) dan budaya ketepatan (precision culture). Ia merupakan prinsip terpenting untuk MARA terus unggul di samping mengamalkan budaya integriti sebagai asas bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan MARA ke peringkat global. Menyedari hakikat ini, pengurusan kewangan perlu diurus selia dengan penuh efisien seterusnya menghasilkan perubahan yang akan memberi nilai tambah kepada kejayaan organisasi.



- Penganugerahan sijil bersih oleh Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan MARA 2012

Pengurusan Aset dan Perolehan

Pengurusan aset, perolehan, fasiliti dan pemantauan terhadap bekalan alatan dan perkhidmatan yang cekap membantu MARA melaksanakan segala urusannya dengan mudah.

Bahagian Aset & Perolehan MARA dipertanggungjawabkan bagi memastikan aset diuruskan dengan cekap dan sistematik; menguruskan perolehan secara telus dan berintegriti; serta menyediakan fasiliti yang selesa, bersih dan selamat.

Pencapaian program dan aktiviti pengurusan & perolehan MARA sepanjang 2013 adalah seperti berikut:

i. **Pengurusan Aset**

33 pusat telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aset Alih (SPA)

2,907 LOT
TANAH

2,339 UNIT
BANGUNAN

659 UNIT
KENDERAAN

181,419 UNIT
ALATAN

ii. **Perolehan Secara Manual**

- Sebanyak 107 perolehan secara Tender (Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja)
- Sebanyak 68 perolehan secara Sebut Harga (Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja).

58 Perolehan atas talian telah dilaksanakan melalui Modul Pembelian Terus Sistem Perolehan Elektronik (SPE) bernilai

RM7,132,487

6 Perolehan atas talian melalui Modul e-bidding bernilai RM21.10 juta dengan penjimatan

RM691,800

iii. **Pengurusan Fasiliti**

143 UNIT
KUARTERS

37 UNIT
RUMAH REHAT

73 UNIT
KENDERAAN
IBU PEJABAT

Kecekapan pengurusan aset & perolehan MARA telah diiktiraf yang menyaksikan MARA menerima Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2013 bagi Kategori Pengurusan Perolehan (Komponen Pengurusan Am Perolehan) sempena Hari Inovasi KKLW 2013.


Pengurusan Teknologi Maklumat

Dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan MARA seiring dengan perubahan teknologi terkini, pengurusan teknologi yang cekap sangat diperlukan. Setiap urusan ini adalah berpandukan Pelan Strategik ICT (ICT Strategic Plan – ISP) MARA 2011 -2015 yang menjadi pemangkin (enabler) kepada pengurusan teknologi maklumat MARA.

Dua (2) inisiatif telah digariskan dalam ISP sebagai usaha memajukan prasarana infostruktur dan infrastruktur ICT di semua Pusat MARA iaitu:

- Pembangunan Aplikasi (Application Development)
- Pengupayaan Persekitaran (Enabling Environment)

Kedudukan pencapaian pelaksanaan projek-projek ICT bagi tahun 2013 di bawah kedua-dua inisiatif.




Dalam penilaian Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2013 oleh pihak Multimedia Development Corporation (MDeC), Portal MARA telah menduduki senarai 10 teratas bagi kategori Portal dan mengekalkan pengiktirafan 5 bintang bagi 4 tahun berturut-turut (2010 – 2013).



Pembinaan dan Penyelenggaraan

Budaya seliaan dan selenggaraan yang tinggi perlu disemai serta dipupuk di setiap organisasi bagi memastikan setiap aset yang menggunakan perbelanjaan organisasi dapat memberi manfaat yang sewajarnya.

Sepanjang 2013, MARA telah menguruskan sebanyak 93 projek pembinaan dan 153 projek bagi kerja selenggaraan.



Prestasi Pelaksanaan Projek Pembinaan dan Senggaraan 2013

■ Pencapaian
■ Jumlah Projek



Pemantauan dan Inspektorat

Mengambil kira keseluruhan pusat pentadbiran MARA yang berada di seluruh negara secara meluas, segala aktiviti pemantauan dan inspektorat perlu dirancang dengan teratur. Pemantauan ini adalah bagi memastikan peningkatan kualiti pengurusan dan kompetensi warga kerja MARA selaras dengan dasar, peraturan, etika perkhidmatan dan piawaian yang ditetapkan oleh MARA bertujuan melonjakkan produktiviti, kualiti, inovasi dan daya saing berimpak tinggi.

Pada 2013 sebanyak 37 lawatan pemantauan dan penaziran telah dilaksanakan di pusat MARA seluruh negara. Sepanjang 2013 instrumen penilaian adalah melibatkan asrama, bengkel, Pusat Sumber Pembelajaran, sukan dan rekreasi, premis perniagaan dan Manual Kepimpinan Pendidikan.

Melalui aktiviti pemantauan dan inspektorat yang dilaksanakan ini MARA telah berjaya menggubal dasar Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan MARA serta mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan Ibu Pejabat MARA selaras dengan arahan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Penilaian Kendiri (PK) Standard Pendidikan MARA (SPMa) telah dilaksanakan secara online pada tahun 2013 yang melibatkan 306 Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Pemantauan dan penaziran yang telah dilaksanakan menunjukkan peningkatan signifikan apabila Kolej MARA telah mencapai 100% tahap kegemilangan dalam semua jenis pengukuran standard piawaian yang dijalankan, diikuti dengan peningkatan tahap gemilang MRSM kepada 67%, GIATMARA kepada 34% dan IKM kepada 31%.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Yayasan Pelajaran MARA

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Yayasan Pelajaran MARA

AKTIVITI UTAMA YPM		
BIASISWA	KECEMERLANGAN MODAL INSAN	BANTUAN
Impak - Melahirkan Jurutera, Saintis, Penyelidik & Usahawan Dengan Pengiktirafan Global Strategi - Biasiswa Global - Biasiswa Kecil Pendidikan	Impak - Melatih Pemimpin Industri yang Berpandangan Jauh dan Berdaya Saing Strategi - Transformasi Kecemerlangan Modal Insan	Impak - Merapatkan Jurang Kemiskinan Dikalangan Melayu & Bumiputera Strategi - Bantuan Pengajian Tinggi - Bantuan Persekolahan

Selaras dengan peranan MARA sebagai agensi amanah dalam membangunkan masyarakat, tanggungjawab menyumbang kembali kepada masyarakat turut diberi keutamaan. Selain melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di peringkat sektor, MARA memberi fokus kepada aktiviti memudahkan cara pendidikan Bumiputera melalui Yayasan Pelajaran MARA (YPM) yang menjadi pelengkap kepada tanggungjawab ini. Tumpuan utama adalah untuk membantu dan membangunkan pelajar miskin.

Pelbagai program dilaksanakan melalui YPM seperti bantuan, biasiswa dan kecemerlangan modal insan. YPM juga diberi kepercayaan oleh pihak Kerajaan menjadi agensi pelaksana Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun (PPTMJ).

Tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan oleh YPM sepanjang 2013 adalah seperti berikut:

1. BIASISWA

Program Biasiswa terbahagi kepada dua (2) komponen utama iaitu Biasiswa Global dan Biasiswa Kecil Pendidikan.

- i. Biasiswa Global merupakan Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun (PPTMJ). Program ini merupakan kesinambungan Projek Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi I, II dan III yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

SASARAN

800 Orang peringkat Ijazah Sarjana Muda
240 Orang peringkat Ijazah Sarjana
50 Orang peringkat Ijazah Kedoktoran

BIDANG

Kejuruteraan Elektrik Elektronik
Kejuruteraan Mekanikal

- ii. Biasiswa Kecil Pendidikan pula merupakan Program Membela Pelajar Miskin yang berkonsepkan Anak Angkat. YPM mendapatkan sumbangan daripada kalangan syarikat korporat, GLC dan individu sebagai keluarga angkat yang akan membiayai perbelanjaan persekolahan anak angkat tersebut dari sekolah rendah hingga tamat tingkatan lima (5).

871 Orang anak angkat

- 343 pelajar sekolah rendah
- 528 pelajar sekolah menengah

205 Keluarga angkat dengan sumbangan RM821,070

- 20 penaja korporat
- 185 penaja individu

2. BANTUAN

Program Bantuan YPM dikategorikan kepada dua (2) iaitu Bantuan Pengajian Tinggi dan Bantuan Persekolahan.

**PROGRAM
PELUANG KEDUA
PELAJAR MISKIN**

RM4.8 Juta

723 Pelajar

26 Institusi Pendidikan

Bantuan Pengajian Tinggi merangkumi Skim Pembiayaan Pendidikan (SPIN)/ Program Peluang Kedua menyediakan pembiayaan yuran pengajian di peringkat sijil, pra dan persediaan yang tidak dibiayai oleh mana-mana agensi penajaan. Manakala Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP)/Program Membantu Pelajar Miskin menyediakan bantuan kewangan secara one-off untuk menampung persediaan memasuki institusi pendidikan tinggi, yuran tertunggak, bantuan peralatan khusus dan perbelanjaan sara hidup.

PROGRAM MEMBANTU PELAJAR MISKIN TERDESAK

RM1.1 Juta

1,556 Pelajar

IPT Seluruh Malaysia



Bantuan Persekolahan iaitu Program Bantuan Persekolahan Pelajar Miskin pula merupakan bantuan secara *one-off* yang merangkumi perbelanjaan persekolahan, keperluan persekolahan dan insentif persekolahan dengan sasaran kepada keluarga berpendapatan rendah, anak yatim dan keluarga yang mempunyai bilangan tanggungan yang ramai.

3. KECEMERLANGAN MODAL INSAN

Kecemerlangan Modal Insan pula merupakan Program Transformasi Kecemerlangan Pelajar merangkumi pelbagai bentuk pendekatan berimpak tinggi dalam mempertingkatkan prestasi serta menyerlahkan potensi pelajar melalui program motivasi, tuisyen dan kelas bimbingan kerjaya, sekaligus menjana transformasi minda dalam kalangan peserta.

PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI

SEMINAR KEIBUBAPAAAN

13 Pusat
10,000
Orang Peserta

KELAS BIMBINGAN YPM-MRSM

32 Pusat
3,200
Orang Pelajar

PROGRAM YAKIN- POTENSI-MOTIVASI

15 Sekolah
Menengah
Harian
150
Orang Pelajar Dari Setiap
Sekolah

PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA

4 Pusat
4,000
Orang Peserta

TUISYEN UPSR

50 Sekolah
5,000
Orang Peserta

The background is a solid orange color. It features several white geometric elements: a series of thin white lines that form a stepped, staircase-like pattern on the right side; a cluster of small, semi-transparent white squares of various sizes in the upper right quadrant; and a single, slightly larger white square in the lower right area.

PERISTIWA KORPORAT

JANUARI



10 Januari 2013 ■ Hotel Premieria, KL
Majlis Menandatangani MoU MARA dan SPAD



17 Januari 2013 ■ Hotel Premieria, KL
Majlis Anugerah Inovasi MARA 2013



29 Januari 2013 ■ Hotel Premieria, KL
Majlis Perasmian Forum Pemantapan Integriti MARA

FEBRUARI



4 Februari 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Engagement MARA bersama Utusan Malaysia



15 Februari 2013 ■ Hotel Premieria, KL
Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Ibu Pejabat



25 Februari 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Engagement MARA Bersama YB Datuk Ahmad bin Maslan

MAC



2 Mac 2013 ■ MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang
Sambutan Hari MARA ke-47



21 Mac 2013 ■ KPM Ayer Molek, Melaka
Majlis Perasmian KPM Ayer Molek



27 Mac 2013 ■ Hotel Premieria, KL
Program Wacana Buku "Cuit: Dilema Melayu Moden"

APRIL



15 April 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Kunjungan Hormat Kedutaan Perancis ke MARA



17 April 2013 ■ Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Putrajaya
Engagement KP MARA Bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN)



29 April 2013 ■ Stesen KL Sentral, KL
Majlis Perasmian Ekspo "Windows to The World"

MEI



28 Mei 2013 ■ Hotel Istana, KL
Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang
MRSM - SPM 2012



31 Mei 2013 ■ Akademi Pencegahan Rasuah
Jln Duta, KL
Majlis Pelancaran Sekretariat Pencegahan
Rasuah IPMa



3 Mei 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Sesi Pembentangan SYABAS

JUN



13 Jun 2013 ■ Hotel Ritz-Carlton, Jakarta
HRD Asia Award



11 Jun 2013 ■ Hotel Istana, Kuala Lumpur
Sambutan Hari Pendidik MARA



27 Jun 2013 ■ Hotel Vivatel, Cheras
MRSM Science Teacher Education Summit

JULAI



25 Julai 2013 ■ Hotel Premiera, KL
Forum Bicara Ad-Deen Sempena
Ihya Ramadhan



26 Julai 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Kunjungan Hormat Kedutaan Ireland ke MARA



29 Julai 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Kunjungan Delegasi OISCA ke MARA

OGOS



5 Ogos 2013 ■ Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya
Kunjungan Hormat ke atas YB Datuk Seri
Abdul Wahid bin Omar



26 Ogos 2013 ■ Hotel Premiera, KL
Majlis Pelancaran Pengkorporatan
Pengurusan Kenderaan Bas MARA



27 Ogos 2013 ■ PWTC, KL
Kongres Perdana Pendidikan Kebangsaan

SEPTEMBER



3 September 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Pelancaran Konvoi Kembara Merdeka MARA



5 September 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Sambutan Hari Raya MARA



17 – 19 September 2013 ■ Hotel Mahkota, Melaka
The 16th Asia Pacific Youth Forum for Community Development

OKTOBER



7 Oktober 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Majlis Menandatangani MOU Antara MARA dan East West Center (EWC)



9 Oktober 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Engagement MARA bersama Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bank



22 Oktober 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Kunjungan dari wakil University Glyndwr

NOVEMBER



14 November 2013 ■ Hotel Premiera, KL
Sambutan Maal Hijrah 1435H



14 November 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Mesyuarat MARA – OISCA



28 November 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Majlis Perasmian dan Penutup Pameran Seni Kreatif 2

DISEMBER



4 Disember 2013 ■ Hotel Premiera, KL
Perasmian Festival Pelancongan & Fotografi MARA 2013



5 Disember 2013 ■ Ibu Pejabat MARA, KL
Engagement KP MARA bersama NGO



9-11 Disember 2013 ■ Philea Resort & Spa, Ayer Keroh, Melaka
Persidangan Pegawai MARA Daerah Se-Malaysia



PENYATA KEWANGAN 2013



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AMANAH RAKYAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis MARA Terhadap Penyata Kewangan

Majlis MARA bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489). Majlis MARA juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan semua syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



(TAN SRI DATO' SETIA HJ. AMBRIN BIN BUANG)

KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

PUTRAJAYA

20 OGOS 2014



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Majlis
(AKAUN INDUK)**

Kami, Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj. Annuar Bin Hj. Musa dan Datuk Ibrahim Bin Ahmad, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis Amanah Rakyat dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Amanah Rakyat pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,




Nama : Tan Sri Datuk Seri
Panglima Hj. Annuar Bin
Hj. Musa

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : **13 AUG 2014**

Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Majlis,



Nama : Datuk Ibrahim Bin Ahmad

Gelaran : Ahli Majlis

Tarikh : **13 AUG 2014**

Tempat : Kuala Lumpur

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Majlis
(AKAUN KUMPULAN)

Kami, Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj. Annuar Bin Hj. Musa dan Datuk Ibrahim Bin Ahmad, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis Amanah Rakyat dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,



Nama : Tan Sri Datuk Seri
Panglima Hj. Annuar Bin
Hj. Musa

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : **13 AUG 2014**

Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Majlis,



Nama : Datuk Ibrahim Bin Ahmad

Gelaran : Ahli Majlis


Tarikh : **13 AUG 2014**

Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AMANAH RAKYAT


Saya, Zanudin Bin Ab Rahim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Amanah Rakyat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada // haribulan Ogos, 2014)


(560301 – 04 – 5153)



Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 3.18B Tingkat 2 Medan MARA
Ibu Pejabat MARA,
Jalan Raja Laut,
50609 Kuala Lumpur, Malaysia.
Mobile: 019-9109779

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2013

	Nota	KUMPULAN		MARA	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
Pendapatan kendalian	4	1,007,604,849	917,649,745	229,011,496	227,405,567
Geran Pembangunan dilunaskan	5(d),(i)	599,812,103	494,341,066	463,769,362	421,788,565
Lain-lain pendapatan kendalian	6	159,370,027	67,218,594	142,373,174	38,286,046
Barangan siap dibeli		(245,140,365)	(288,814,002)	-	-
Perbelanjaan kakitangan	6	(1,087,808,269)	(1,013,558,065)	(692,130,217)	(633,024,257)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	31	(238,366,841)	(216,539,217)	(214,730,746)	(193,290,575)
Pelunasan ke atas premium Sijil Jaminan Kerajaan		(150,529)	(177,003)	-	-
Lain-lain perbelanjaan kendalian	6	(1,550,867,144)	(1,320,890,226)	(1,289,454,080)	(1,239,260,668)
Kerugian daripada kendalian		(1,355,546,169)	(1,360,769,108)	(1,361,161,011)	(1,378,095,322)
Kos pembiayaan	7	(3,634,357)	(400,611)	(600,000)	-
Pendapatan daripada lain-lain pelaburan	8	21,958,166	21,254,756	-	-
Bahagian keuntungan/(kerugian) daripada syarikat bersekutu		992,920	36,246,402	-	-
Lebihan perbelanjaan daripada pendapatan sebelum Geran Kerajaan Malaysia - Belanja Operasi		(1,336,229,440)	(1,303,668,561)	(1,361,761,011)	(1,378,095,322)
Geran Kerajaan Malaysia - Belanja Operasi	5(c)(iii)	1,509,880,266	1,434,418,097	1,450,175,200	1,390,999,783
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan sebelum cukai dan zakat		173,650,826	130,749,536	88,414,189	12,904,461
Belanja cukai pendapatan	9	(17,689,089)	(9,095,604)	-	-
Zakat		(963,368)	(229,512)	-	-
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan selepas cukai dan zakat		154,998,369	121,424,420	88,414,189	12,904,461
Kepentingan minoriti		(965,645)	(813,662)	-	-
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan untuk tahun kewangan semasa		154,032,724	120,610,758	88,414,189	12,904,461

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

LEMBARAN IMBANGAN**PADA 31 DISEMBER, 2013**

	Nota	KUMPULAN		MAR A	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
ASET SEMASA					
Wang tunai dan dana jangka pendek	10	1,055,657,012	438,811,672	710,544,966	205,251,052
Deposit di bank berlesen	11	1,961,578,393	2,930,022,951	1,769,631,701	2,730,883,400
Deposit di institusi kewangan	12	36,122,075	78,389,073	-	-
Pelaburan jangka pendek	13	102,592,716	94,601,897	-	-
Penghutang	14	483,839,683	381,056,290	129,312,489	187,522,617
Inventori	15	3,883,015	4,671,634	-	999,755
		3,643,672,894	3,927,553,517	2,609,489,156	3,124,656,824
LIABILITI SEMASA					
Bank overdraf	16	4,908,398	-	-	-
Pemiutang	17	393,189,032	269,588,371	188,990,595	111,795,373
Geran Program Keusahawanan Pelajar	18	9,287,550	9,708,192	-	-
Liabiliti cukai dan zakat	19	11,317,175	4,122,607	-	-
		418,702,155	283,419,170	188,990,595	111,795,373
ASET BERSIH SEMASA		3,224,970,739	3,644,134,347	2,420,498,561	3,012,861,451
HARTA					
Aset tak nyata	20	300,000	400,000	-	-
Muhibbah atas penyatuan	21	23,095,294	22,606,710	-	-
Cukai tertunda	22	-	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	23	-	-	510,185,719	362,185,719
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	24	198,863,500	209,139,717	24,863,298	21,104,402
Pelaburan jangka panjang	25	843,415,546	796,022,476	576,627,673	550,362,073
Penghutang syarikat-syarikat subsidiari	26	-	-	9,461,142	16,516,142
Penghutang jangka panjang	27	798,571	798,571	798,571	798,571
Penghutang biasiswa pelajaran	28	11,197,633	11,444,301	11,197,633	11,444,301
Pinjaman kepada syarikat-syarikat subsidiari - tidak bercagar	26	-	-	140,000,000	140,000,000
Pinjaman	29	9,156,885,148	7,821,202,290	9,152,804,506	7,818,552,775
Pelaburan hartanah	30	421,171,018	-	-	-
Hartanah, loji dan peralatan	31	6,588,559,777	6,677,547,303	6,526,683,081	6,323,117,631
		17,244,286,487	15,539,161,368	16,952,621,623	15,244,081,614
LIABILITI BUKAN SEMASA DAN TERTUNDA					
Bayaran balik biasiswa pelajaran tertunda	32	11,197,633	11,444,301	11,197,633	11,444,301
Pinjaman jangka panjang - bahagian bukan semasa	33	534,217,449	423,983,557	400,000,000	410,000,000
Pemiutang sewa beli bahagian bukan semasa	34	1,505,853	1,515,389	-	-
Peruntukan ganjaran persaraan	35	182,505	298,218	-	-
Peruntukan faedah kakitangan	36	41,907,727	37,569,906	41,907,727	37,569,906
Geran Kerajaan tertunda	5 (d)	11,069,744,473	10,995,265,645	10,929,542,611	10,850,260,686
Liabiliti Cukai Tertunda	40	327,124	940,261	-	-
		11,659,082,764	11,471,017,277	11,382,647,971	11,309,274,893
Kepentingan Minoriti		8,545,639	7,976,682	-	-
		8,801,628,823	7,704,301,756	7,990,472,213	6,947,668,172
DIBIAYAI OLEH :					
DANA MAJLIS AMANAH RAKYAT		8,801,628,823	7,704,301,756	7,990,472,213	6,947,668,172

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2013KUMPULAN
2013

Nota 44

	Lebihan Perbelanjaan Terkumpul	Cadangan Seksyen 15 Akta MARA, 1966	Cadangan Tebusan Pinjaman	Cadangan Pelaburan	Rezab Modal	Dana Endowmen	Rezab atas Penyatuan	Rezab Terjemahan	Rezab Penilaian Semula	5(d)(iii),39 Geran Belanja Mengurus Program Penganjuran Pelajaran	Dana Khas Pembinaan Perniagaan	Dana	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki 1 Januari, 2013	(670,565,851)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	1,007,175	145,000,000	19,494,869	4,973,744	35,796,770	7,365,646,659	102,466,000	482,390	7,704,301,756
Pelarasan tahun lepas	(35,796,770)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(35,796,770)
Baki 1 Januari, 2013 dinyatakan semula	(706,362,621)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	1,007,175	145,000,000	19,494,869	4,973,744	35,796,770	7,365,646,659	102,466,000	482,390	7,668,504,986
Penerimaan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,973,369,000	100,000,000	2,126,105	2,075,495,105
Perbelanjaan dikenakan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,118,979,148)	-	(968,725)	(1,119,947,873)
Tambahan/ (Kurangan) dalam tahun semasa	-	-	-	-	(311,565)	-	(1,531,104)	(633,862)	26,020,402	-	-	-	23,543,881
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan untuk tahun kewangan semasa	154,032,724	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	154,032,724
Baki 31 Disember, 2013	(552,329,897)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	695,620	145,000,000	17,963,765	4,339,882	61,817,172	8,220,036,511	202,466,000	1,639,770	8,801,628,823

Nota

2012

	Lebihan Perbelanjaan Terkumpul	Cadangan Seksyen 15 Akta MARA, 1966	Cadangan Tebusan Pinjaman	Cadangan Pelaburan	Rezab Modal	Dana Endowmen	Rezab atas Penyatuan	Rezab Terjemahan	Rezab Penilaian Semula	5 (d) (ii), 39 Geran Belanja Mengurus Program Penganjuran Pelajaran	Dana Khas Pembinaan Perniagaan	Dana Tabung	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki 1 Januari, 2012	(791,176,609)	263,837,000	148,000,000	88,163,000	941,087	145,000,000	23,393,992	4,456,996	-	6,449,272,858	102,466,000	-	6,434,354,324
Penerimaan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,043,065,100	-	-	2,043,065,100
Pindahan dana GBMPP ke Cadangan Seksyen 15	-	100,000,000	-	-	-	-	-	-	-	(100,000,000)	-	-	-
Pindahan dana GBMPP ke Cadangan Pelaburan	-	-	-	100,000,000	-	-	-	-	-	(100,000,000)	-	-	-
Perbelanjaan dikenakan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(926,691,299)	-	-	(926,691,299)
Tambahan/ (Kurangan) dalam tahun semasa	-	-	-	-	66,088	-	(3,899,123)	516,748	35,796,770	-	-	482,390	32,962,873
Lebihan perbelanjaan daripada pendapatan untuk tahun kewangan semasa	120,610,758	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	120,610,758
Baki 31 Disember, 2012	(670,565,851)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	1,007,175	145,000,000	19,494,869	4,973,744	35,796,770	7,365,646,659	102,466,000	482,390	7,704,301,756

Nota-nota yang dibenarkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.
(bersambung)

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Dilubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2013

MARA 2013	Nota						
	Lebihan Perbelanjaan Terkumpul	Cadangan Seksyen 15 Akta MARA, 1966	Cadangan Tebusan Pinjaman	Cadangan Pelaburan	5(d)(ii),39 Geran Belanja Mengurus Program Penganjuran Pelajaran RM	Dana Khas Pembiayaan Perniagaan RM	Jumlah RM
Baki 1 Januari, 2013	(1,142,471,074)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	7,287,673,246	102,466,000	6,947,668,172
Penerimaan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	1,973,369,000	100,000,000	2,073,369,000
Perbelanjaan dikenakan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	(1,118,979,148)	-	(1,118,979,148)
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan untuk tahun kewangan semasa	88,414,189	-	-	-	-	-	88,414,189
Baki setakat 31 Disember, 2013	(1,054,056,885)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	8,142,063,098	202,466,000	7,990,472,213

2012

	Lebihan Perbelanjaan Terkumpul	Cadangan Seksyen 15 Akta MARA, 1966	Cadangan Tebusan Pinjaman	Cadangan Pelaburan	5(d)(ii),39 Geran Belanja Mengurus Program Penganjuran Pelajaran RM	Dana Khas Pembiayaan Perniagaan RM	Jumlah RM
Baki 1 Januari, 2012	(1,155,375,535)	263,837,000	148,000,000	88,163,000	6,371,299,445	102,466,000	5,818,389,910
Penerimaan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	2,043,065,100	-	2,043,065,100
Pindahan dana GBMPP ke Cadangan Seksyen 15	-	100,000,000	-	-	(100,000,000)	-	-
Pindahan dana GBMPP ke Cadangan Pelaburan	-	-	-	100,000,000	(100,000,000)	-	-
Perbelanjaan dikenakan dalam tahun kewangan semasa	-	-	-	-	(926,691,299)	-	(926,691,299)
Lebihan perbelanjaan daripada pendapatan untuk tahun kewangan semasa	12,904,461	-	-	-	-	-	12,904,461
Baki setakat 31 Disember, 2012	(1,142,471,074)	363,837,000	148,000,000	188,163,000	7,287,873,246	102,466,000	6,947,668,172

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2013

	KUMPULAN		MARA	
	2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
ALIRAN TUNAI DARI/(DIGUNAKAN OLEH) AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	173,650,826	130,749,536	88,414,189	12,904,461
Pelarasan untuk :				
Geran Pembangunan dilunaskan	(599,812,103)	(494,341,066)	(463,769,362)	(421,788,565)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	238,366,841	216,539,217	214,730,746	193,290,575
Bahagian keuntungan dari syarikat bersekutu	(992,920)	(36,246,402)	-	-
Peruntukan :				
Hutang ragu :				
Penghutang	-	18,493,556	-	12,665,586
Pinjaman	-	65,223,730	-	65,220,468
Rosotnilai pelaburan :				
Jangka pendek	158,748	-	-	-
Jangka panjang	360,522	-	-	-
Pertambahan/(Pengurangan) modal	446,376	(1,951,800)	-	-
Ganjaran persaraan	31,999	65,710	-	-
Faedah kakitangan	9,576,362	8,867,889	9,576,362	8,867,889
Pelunasan ke atas :				
Premium bon	150,529	177,003	-	-
Aset tidak nyata	100,000	100,000	-	-
Muhibah atas penyatuan	700,000	-	-	-
Keuntungan ke atas jualan pelaburan syarikat subsidiari	(304,356)	-	-	-
Keuntungan ke atas jualan saham	(3,730,192)	(5,640,161)	-	-
Keuntungan ke atas jualan hartanah, loji dan peralatan	(102,383)	(116,769)	(26,185)	(110,044)
Kerugian ke atas jualan hartanah, loji dan peralatan	282,567	204,081	-	-
Peruntukan tidak perlu lagi :				
Rosotnilai pelaburan :				
Jangka pendek	(76)	(9,027)	-	-
Jangka panjang	(360,522)	(1,190,489)	-	-
Hutang ragu :				
Penghutang lain	(2,271,658)	-	(2,271,658)	-
Penghutang syarikat subsidiari	-	-	(13,890,197)	-
Pinjaman	(58,428,743)	-	(58,428,743)	-
Pinjaman syarikat subsidiari	-	-	(28,760,974)	-
Hapuskira ke atas :				
Hartanah, loji dan peralatan	175,811	73,348	172,362	353,167
Hutang lapuk :				
Pinjaman	-	1,262,787	-	1,262,787
Penghutang	258,035	3,076	-	-
Penghutang perdagangan	2,707,659	-	-	-
Pinjaman syarikat subsidiari	-	-	28,760,974	-
Penghutang syarikat subsidiari	-	-	7,802,908	-
Faedah diterima	(406,134)	(1,513,889)	(2,558,221)	(3,645,216)
Dividen kasar diterima daripada pelaburan saham	(4,489,231)	(7,199,606)	(9,348,309)	(9,159,176)
Kos pembiayaan	3,634,357	400,611	600,000	-
